



# PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN NEGARA (SENATE)

### OFFICIAL REPORT

(SECOND SESSION OF THE SECOND DEWAN NEGARA)

### CONTENTS

**EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 1181]**

**ADJOURNMENT *SINE DIE* (Motion) [Col. 1181]**

**BILLS—**

**The Supply Bill, 1966 [Col. 1182]**

**The Prevention of Crime (Amendment) Bill [Col. 1298]**

**The Passports Bill [Col. 1301]**

**The Immigration (Amendment) (No. 2) Bill [Col. 1305]**

**The Divorce (Amendment) Bill [Col. 1306]**

**The Penal Code (Amendment) (No. 2) Bill [Col. 1307]**

**The Rubber Research Institute of Malaya Bill [Col. 1308]**

**The Malaysian Timber Export Industry Board (Incorporation) Bill [Col. 1311]**

**The Pineapple Industry (Amendment) Bill [Col. 1319]**

**The National Productivity Council (Incorporation) Bill [Col. 1321]**

**The Women and Girls (Appointment of Places of Safety) Bill [Col. 1324]**

**The Mui Tsai (Repeal) Bill [Col. 1331]**

**The Employment (Amendment) Bill [Col. 1333]**

**The Co-operative Societies (Amendment) Bill [Col. 1337]**

**The National Land Rehabilitation and Consolidation Authority (Incorporation) Bill [Col. 1350]**

**The Societies Bill [Col. 1354]**

**The Merchant Shipping (Amendment) Bill [Col. 1366]**

**The Road Traffic (Amendment) Bill [Col. 1369]**

**ORDER OF BUSINESS (Motion) [Col. 1320]**

MALAYSIA  
**DEWAN NEGARA (SENATE)**  
*Official Report*

Vol. II

Second Session of the Second Dewan Negara

No. 11

*Wednesday, 22nd December, 1965*

*The Senate met at Ten o'clock a.m.*

PRESENT:

- The Honourable Mr President, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).
- .. ENCHE' A. ARUNASALAM, A.M.N. (Appointed).
- .. ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).
- .. ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN, P.J.K. (Appointed).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Penang).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDUL MANAP, P.P.N. (Melaka).
- .. CHE' AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Appointed).
- .. CHE' BIBI AISHA BINTI HAMID DON, A.M.N. (Appointed).
- .. ENCHE' AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).
- .. ENCHE' AWANG DAUD MATUSIN (Appointed).
- .. DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN (Sarawak).
- .. ENCHE' CHAN KEONG HON (Appointed).
- .. ENCHE' CHAN KWONG-HON, J.M.N., S.M.N., J.P. (Selangor).
- .. ENCHE' CHEAH SENG KHIM, J.P. (Penang).
- .. DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., J.P., Dato' Kurnia Indera (Appointed).
- .. ENCHE' D. S. DORAI RAJ, A.M.N., P.J.K. (Appointed).
- .. DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Appointed).
- .. ENCHE' GAN TECK YEOW, J.M.N. (Appointed).
- .. ENCHE' GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
- .. ENCHE' HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).
- .. ENCHE' C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Appointed).
- .. ENCHE' ANDREW JIKA LANDAU (Appointed).
- .. DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Appointed).
- .. ENCHE' LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Appointed).
- .. ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Kedah).
- .. ENCHE' MOHAMED ADIB BIN OMAR, P.J.K. (Trengganu)
- .. DATU PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).
- .. DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Appointed).

- The Honourable TUAN HAJI MOHAMED SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Appointed).  
 .. ENCHE' ATHI NAHAPPAN (Appointed).  
 .. NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Appointed).  
 .. TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU (Sarawak).  
 .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Appointed).  
 .. ENCHE' SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Appointed).  
 .. DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA AL-HAJ, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).  
 .. DATO' G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Appointed).  
 .. TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N., S.M.K., J.P. (Kedah).  
 .. TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM (Perlis).  
 .. ENCHE' WILLIAM TAN (Appointed).  
 .. DATO' T. H. TAN, P.M.N. (Appointed).  
 .. ENCHE' S. O. K. UBAIDULLA, J.M.N. (Appointed).  
 .. WAN MUSTAPHA BIN HAJI WAN ALI, S.M.K. (Kelantan).  
 .. ENCHE' YAHYA BIN AHMAD, P.J.K. (Negri Sembilan).  
 .. ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).

## ABSENT :

- The Honourable the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Appointed).  
 .. DATU JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).  
 .. DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Appointed).  
 .. ENCHE' HONG KIM SUI (Appointed).  
 .. ENCHE' KHOO TECK PUAT (Appointed).  
 .. ENCHE' KOH KIM LENG (Malacca).  
 .. DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).  
 .. ENCHE' S. P. S. NATHAN (Appointed).  
 .. RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).  
 .. DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Appointed).  
 .. DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).  
 .. ENCHE' YEOH KIAN TEIK (Perak).

## IN ATTENDANCE :

- The Honourable the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).  
 .. the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).  
 .. the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).

- The Honourable the Minister for Welfare Services, CAPT. HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K., (Trengganu Tengah)
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).

## PRAYERS

(Mr President *in the Chair*)

## EXEMPTED BUSINESS

(Motion)

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move,

That notwithstanding the provisions of Standing Order 11, the Senate shall not adjourn until consideration of all Government business set out on the Order Paper for today has been completed.

**Dato' Y. T. Lee:** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That notwithstanding the provisions of Standing Order 11, the Senate shall not adjourn until consideration of all Government business set out on the Order Paper for today has been completed.

## ADJOURNMENT *SINE DIE*

(Motion)

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move,

That at its rising today the Senate shall stand adjourned *sine die*.

**Dato' Y. T. Lee:** Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That at its rising today the Senate shall stand adjourned *sine die*.

## THE SUPPLY BILL, 1966

Second Reading

Order read for resumption of debate on the Question, "That the Bill be now read a second time" (21st December, 1965).

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Dato' Yang di-Pertua, sambongan saya sa-malam.....

**Mr President:** Ada sambongan lagi? Jangan panjang sangat, sebab kita satu hari sahaja hari ini—ada 18 Rang Undang<sup>2</sup> lagi akan di-perbahathkan.

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Dato' Yang di-Pertua, saya menyentoh sedikit perkara yang berkaitan dengan chukai talipon. Pembayaran talipon ini sudah pun berbangkit, yang menyebabkan macham<sup>2</sup> perkara telah terjadi dan Dewan ini juga ada mengshorkan supaya meminda chara bayaran<sup>2</sup> talipon itu di-bayar dengan chara di-tambah pendapatan daripada mengambil daripada internal-nya—bayaran bulanan. Tetapi, saya kata di-sini, perkara chukai, yang susah-nya satu sahaja, Dato' Yang di-Pertua, sa-barang chukai yang di-ambil oleh Kerajaan yang mana Kerajaan menjalakan chukai<sup>2</sup> itu, datang-nya

daripada Dewan Ra'ayat, kemudian kepada Dewan Negara. Kalau tidak ada keputusan daripada Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara, tidak ada pengsahan dari pehak yang berkuasa—chukai itu tidak berjalan.

Mithal-nya satu sahaja—manakala satu<sup>2</sup> चुकai di-kenakan sa-chara pukul rata—tidak kira orang kaya, orang miskin, चुकai itu nama-nya चुकai tidak 'adil. Penggunaan<sup>2</sup> talipon oleh pehak<sup>2</sup> orang yang menchari kesenangan, menchari kekayaan, menchari kemewahan, kalau sa-kira-nya dia hendak menggunakan banyak—chakap banyak dalam urusan<sup>2</sup>-nya, sudah patut-lah dia membayar. Tetapi, urusan<sup>2</sup>-nya dia hendak, supaya di-adakan perjalanan dengan lichin, dan kehasilan-nya banyak. Tetapi sa-juzu' yang di-ambil oleh pehak yang berkuasa, di-sini bertindak, ada sa-tengah<sup>2</sup> yang mengatakan चुकai itu—pembayaran di-atas panggilan talipon—lebeh daripada sa-ratus panggilan itu tidak 'adil. Saya rasa apa yang telah di-buat—di-pinda mengenai pembayaran talipon yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita, adalah चुकup<sup>2</sup> baik. Kita dudok dalam Dewan ini, sa-barang undang<sup>2</sup> yang kita hendak timbangan, biar-lah dengan timbangan yang 'adil—jangan berat sa-belah. Kalau main berat sa-belah tidak boleh. Sa-rupa dengan kedudukan Dewan ini—bagitu juga tidak 'adil. Saraan di-sabelah beri चुकup, yang sa-belah lagi di-beri tidak चुकup—itu juga tidak 'adil.

Pendek kata, bukan sa-kadar चुकai<sup>2</sup> atau pun bayaran di-atas panggilan talipon itu sahaja—sa-barang-nya. Kerana kalau tumbuh-nya sa-suatu चुकai yang tidak sesuai dan tidak 'adil, kita sa-sama kita tidak mengapalah, kita di-dunia sahaja tidak apa, tetapi yang susah-nya, sa-telah kita mengagong<sup>2</sup>kan yang negara ini merasmikan Islam menjadi ugama rasmi, bila sa-suatu kerja kita menjalankan tidak kena pada tempat-nya—tidak 'adil, agak saya, kita tidak boleh lari daripada kesalahan yang kita lakukan itu, daripada pehak yang menguasai seluroh 'alam ini, ia-itu Tuhan.

Saya tidak bersetuju seperti mana ada sa-tengah<sup>2</sup> yang mengshorkan ditambah di-atas pembayaran talipon daripada \$15 menjadi \$20, itu kalau orang<sup>2</sup> yang menggunakan talipon, kerana orang<sup>2</sup> yang menggunakan talipon itu orang yang berkeadaan. Orang<sup>2</sup> miskin, dia tidak hendak gunakan talipon itu. Sa-kali sa-kala sahaja dia hendak menggunakan. Kalau dia kena bayar pun tidak banyak. Kalau ada yang menggunakan talipon itu pun, pada pehak orang<sup>2</sup> yang susah ini, sadikit, tetapi orang yang bekerja menchari penghidupan dan perniagaan dan sa-bagai-nya, banyak. Jangan-lah sa-mata<sup>2</sup> hendak di-kirakan chara masok sahaja, tetapi chara keluar-nya yang muslihat itu kesemua-nya terpulang kepada negara kita sendiri. Bila kata pulang kepada negara kita sendiri, pulang kepada kita-lah kesemua-nya.

Yang selalu berbangkit dalam perkara चुकai ini, sa-barang चुकai, bila datang tahunan, atau dalam Dewan<sup>2</sup>, sama ada Dewan Ra'ayat, Dewan Negara atau Dewan Negeri perkara चुकai itu चुकup rumit. Ada daripada manusia<sup>2</sup>, buat kata orang Melayu, kalau hendak makan sahaja dengan tidak berak, pechah perut. Tetapi, hendak suroh Kerajaan ini berak, berak, berak! hendak sarakan dalam Kemajuan Luar Bandar, Pertahanan dan sa-bagai-nya, negeri dalam konfrantasi, kalau Kerajaan ini tidak dapat hendak makan macham mana hendak suroh berak. Kalau hendak suroh teran juga, keluar tombong-lah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita dudok dalam Dewan ini kita hendak-lah insaf sadikit. Gunong yang susah itu banyak, tetapi gunong yang susah itu banyak, tetapi gunong yang senang itu tidak banyak.

Sa-barang चुकai, sa-barang apa juga yang di-ambil, kalau sama di-antara orang kaya dengan orang miskin, tidak 'adil. Bila tumbuh tidak 'adil, jadi dzalim, bila dzalim, berdosa. Maka, sebab itu menasabah apa yang telah di-buat oleh pehak Kabinet, erti-nya Menteri Kewangan kita meletakkan pembayaran itu ada-lah menasabah. Tidak payah bising lagi—tidak payah

pinda. Kalau kita hendak berchakap banyak, bayar-lah. Orang yang tidak berchakap banyak dia bayar sedikit.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, perkara bantuan kepada Sekolah Agama Ra'ayat. Saya mintalah kepada pehak yang bertanggung-jawab menimbangkan rayuan saya, kerana saya ini selalu di-datangi karumah tidak berhenti<sup>2</sup> siang, malam—pukul 3.00 malam pun mari lagi. Tetapi dalam pada itu pun, ada orang berkata “Ahli Dewan Negara ini bukan apa, main rubber stamp sahaja”. Tetapi, dia tidak sedar siang malam kena buat kerja. Bukan Dewan Ra'ayat sahaja bertanggung-jawab. Hingga layanan pun tidak boleh diberi kepada Ahli Dewan Negara ini kerana mereka tidur sahaja bukan kerja apa—rubber stamp! Bantuan kadang<sup>2</sup> sampai berbulan<sup>2</sup> sudah-lah bantuan itu sedikit ma'alum-lah didahulukan Sekolah Agama Ra'ayat ini kerana dha'if-nya dan kelemahannya boleh di-katakan kebanyakan guru yang mengajar sa-chara lillahi ta'ala benar<sup>2</sup> kerana bertanggung-jawab diatas perkembangan agama.

Jadi saya merayu-lah di-sini kepada Menteri kita ia-itu saya berharap tolong sampaikan-lah supaya bantuan<sup>2</sup> itu jangan lewat, jangan lama<sup>2</sup> sangat, kerana susah-nya bagi guru<sup>2</sup> yang mengajar. Perkara agama di-dalam Sekolah Agama Ra'ayat di-pandang rendah oleh sa-tengah<sup>2</sup> orang. Tetapi sa-benar-nya perkembangan politik ini daripada mula-nya lagi, kalau tidak silap, Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri sendiri berkata: “Saya dok sangka rupa-nya mereka jalan bawa unchang, bawa itu, bawa ini, rupa-nya itu ada politik pada mereka.” Ini cherita betul Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri sendiri. Bererti perkembangan politik ini boleh di-katakan banyak yang tumbuh daripada Sekolah<sup>2</sup> Agama Ra'ayat. Ini siapa pun tidak boleh menafikan—saya sa-orang daripadanya. Jadi rayuan ini meminta-lah chepatkan sedikit kerana bantuan ini bukan-lah banyak. Jadi bila sampai bantuan itu seronok-lah sedikit guru<sup>2</sup> itu.

Sa-lain daripada itu, Dato' Yang di-Pertua, sunggoh pun meshuarat kita ini hendak di-habiskan dengan sa-chepat<sup>2</sup>-nya pada hari ini, ini-lah yang melemaskan sedikit, Dewan Ra'ayat bermeshuarat berpuluh<sup>2</sup> hari, tetapi Dewan Negara ini dengan masa yang sa-kejap sahaja. Ada sa-tengah<sup>2</sup>-nya yang hendak mengeluarkan apa yang dalam hati, tidak dapat, maka sebab itu-lah sa-tengah<sup>2</sup> Ahli Dewan Ra'ayat mengechap Ahli Dewan Negara ini sa-bagai Ahli Rubber Stamp. Sebab itu-lah elaun pun tidak patut sama, biarkan \$500 tidak usah \$750. Pada hal kita juga berhak, tidak berjalan Dewan Ra'ayat melainkan dengan kelulusan daripada kita sendiri. Itu patut di-timbangkan jikalau tidak mahu Dewan ini senget (*Ketawa*).

Dato' Yang di-Pertua, Sekolah Pertanian yang di-Bumbong Lima di-sana hampir siap. Ini sa-buah Sekolah Pertanian yang mana sekolah itu-lah yang chukup<sup>2</sup> memberi faedah. Dengan keluar-nya penuntut<sup>2</sup> daripada Sekolah Pertanian itu akan berkembang-lah berchuchok tanam khas-nya berchuchok tanam daripada makanan<sup>2</sup> yang mema'amorkan negeri. Saya harap Sekolah Pertanian yang terletak di-Bumbong Lima, di-Kepala Batas sana tempat saya sendiri, ini bukan hak Kepala Batas sendiri tetapi hak seluruh-nya tetapi di-buat di-sana sebab di-sana kawasan<sup>2</sup> padi banyak, padi dua kali sa-tahun, tiga kali pun boleh. Di-ucapkan terima kaseh kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, tetapi malang-nya pula di-letakkan Sekolah Pertanian itu di-sana khas-nya tempat itu padi chukup banyak.

Dato' Yang di-Pertua, yang mendatangkan rumit bagi kami sana, bila peluang<sup>2</sup> itu telah di-terangkan kepada mereka sedangkan Kerajaan sendiri telah meletakkan Sekolah Pertanian itu di-Bumbong Lima di-kawasan<sup>2</sup> yang benar<sup>2</sup> banyak padi dan jiran di-tepi-nya itu—Kedah—bagitu juga kawasan-nya chukup banyak padi—Kedah-lah nombor satu fasal padi. Manakala hendak buat kilang kertas, Oh! jerami tidak chukup, bahan di-buat daripada jerami nilai kertas tidak

baik dan bermacam<sup>2</sup> hujah lagi telah di-beri. Pada hal Tunku Yang Teramat Mulia sendiri, manakala hendak buat kilang baja dan kilang kertas, Tunku Perdana Menteri sendiri mengatakan kalau dua<sup>2</sup> sa-kali di-buat tentu terok, belanja amat besar. Oleh itu buat-lah dahulu kilang kertas—dia menyokong. Kalau Perdana Menteri sendiri sudah beri sokongan, mengapa pula terbalek? Kalau Tunku Yang Teramat Mulia Perdana Menteri sendiri, mengenai fasal bumiputera, bila dia beri satu ta'arif semua orang kata "Ya! betul, ikut Perdana Menteri." Tetapi tentang ini, kami tidak boleh. Ini pelek sadikit.

Dato' Yang di-Pertua, beri-lah sadikit! Sebab saya juga satu daripadanya, bukan anggota, tetapi yang berikhtiar bersama<sup>2</sup> dengan pehak yang hendak mendirikan kilang kertas di-sana telah bersusah payah membanchi segala jerami<sup>2</sup> dan sa-bagai-nya, tetapi dengan kegagalan, tunggu dari sa-tahun ka-satahun sa-hingga saham pun tidak berapa orang hendak keluarkan, ini semua karut belaka. Yang lebeh<sup>2</sup> mendukungatikan kami di-sana, takut dengan kerana akibah itu, kami hendak buat kerja pun payah kerana di-chapkan kami Wakil Ra'ayat ini-lah wakil yang chukup<sup>2</sup> pembong. Datang beri propaganda untok menarek pengundi<sup>2</sup> sahaja tetapi buat-nya tidak. Yang hendak timpa bala itu atas kepala kami. Oleh itu, Dato' Yang di-Pertua, saya berchakap di-sini supaya dapat kira-nya pehak yang bertanggung-jawab dalam perkara perusahaan, tolong-lah timbang sa-mula dan bantuan<sup>2</sup> itu patut sangat di-beri, faedah-nya terpulang kepada ahli<sup>2</sup> peladang yang kesemua-nya boleh di-katakan chukup banyak.

Saya takut satu sahaja, kerana orang Melayu-lah yang chukup banyak mengambil peranan di-dalam persawahhan. Kalau kegagalan pula terjadi di-atas perkara ini, saya takut banyak lagi perkara lain akan gagal, kerja<sup>2</sup> kita juga akan rosak. Sebab itu-lah pertimbangan patut di-buat dan Yang Teramat Mulia sendiri, saya dengar dia sendiri pun bersetuju. Saya dengar pula perkara ini mengatakan, pehak yang bertanggung-jawab sendiri tidak

menyampaikan perkara ini, tidak membawa perkara ini di-dalam Kabinet. Jadi sebab itu saya merayulah di-pertimbangkan balek sa-mula juga perkara yang berkaitan dengan Bertam Estate yang telah di-beli oleh Bank Persatuan Sabering Perai, boleh di-katakan memberi faedah kepada seluroh orang<sup>2</sup> yang susah di-dalam kawasan utara, banyak. Tetapi mengenai kedudukan pinjaman Bank itu terhadap pehak yang meminjam, bayaran bunga pun sudah berpuluh<sup>2</sup> ribu. Jadi saya merayu-lah perkara<sup>2</sup> ini telah pun ma'alum pehak Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama supaya boleh di-beri pinjaman mudah<sup>2</sup>-han dapat-lah Bank Kesatuan ini menyelesaikan kedudukan Bertam Estate itu supaya ahli<sup>2</sup> jawatankuasa-nya dapat tidor lena sadikit. Ini tiap<sup>2</sup> malam macham hendak pechah kepala mengenangkan kedudukan Bertam Estate.

Dato' Yang di-Pertua, perkara yang berkaitan dengan luar negeri. Ada juga saya dapati saperti mana Duta atau Konsol-nya dan kaki-tangan-nya yang berada di-Judah dan yang ada di-Republik Arab Bersatu. Tetapi yang aneh-nya di-Judah bagi pehak Kerajaan Saudi Arabia, kita tahu banyak daripada orang<sup>2</sup> kita, khas-nya orang Islam-lah kerana tempat itu tempat orang<sup>2</sup> Islam, bila pergi ka-sana, bila balek, bermacam<sup>2</sup> angkara telah berlaku dalam negeri kita ini.

Fatwa<sup>2</sup> telah di-beri kadang<sup>2</sup> di-sana, dia ta' tahu kedudukan negeri, jadi bagi pehak wakil Kerajaan ini yang ada di-Judah di-sana, sa-patut-nya di-tempat itu-lah di-datangi oleh manusia dari sa-genap cherok pelusok, merata dunia, kembangkan-lah penerangan supaya orang<sup>2</sup> tahu kedudukan kita ini khas-nya yang tinggal di-sana yang ta' balek<sup>2</sup> supaya jangan di-fatwakan dengan buta-tuli, dia dudok di-sana dia ta' tahu kedudukan kita di-sini. Ada sa-tengah<sup>2</sup>-nya sunggoh pun dia berasal dari sini tetapi dudok di-sana ta' balek<sup>2</sup>, dia sudah bertanah ayer di-sana.

Sunggoh pun orang Melayu ta' tahu hal ehwal di-sini, orang di-sini pula membawa perkara<sup>2</sup> itu dan dia ta' tahu

dari hal ehwal selok kedudukan di-situ tumbuh-lah perkara<sup>2</sup> yang tidak di-ingini sa-hingga datang sa-orang daripada sa-tengah<sup>2</sup> orang itu kerana dua tiga orang sudah menjadi rumit dalam negeri kita ini tidak dapat hendak diselesaikan. Sebab perkara itu saya salah sa-orang daripada kawan<sup>2</sup> saya yang lain lagi yang selalu menutupkan perkara yang berbangkit di-atas kedudukan negara kita ini.

Jadi saya harap-lah pehak Kerajaan kita ini sa-bagai sa-buah Kerajaan yang merasmikan agama Islam menjadi agama yang tunggal, supaya memberi arahan, bantuan yang lebeh<sup>2</sup> banyak supaya di-perkembangkan benar<sup>2</sup> di-tanah suchi sana tempat perhimpunan manusia yang datang daripada saganap cherok pelusok. Begitu juga Duta di-Republik Arab Bersatu, wakil kita di-Republik Arab Bersatu yang ada di-Cairo ma'alum negara, negara goyang padang pasir kalau-lah susah sadikit kalau<sup>2</sup> kita dudok di-sana silap<sup>2</sup> sadikit kita kelamkabut di-buatnya juga lama<sup>2</sup> meja dan kerusi pun tertinggal kalau<sup>2</sup> ta' silap, sebab di-natahkan oleh orang<sup>2</sup> di-sabelah timor, khasnya, di-Tanah Arab dengan kata-pepatah mereka, "Negara, kau datang sa-chara apa, kaya dalam itu pun ada kaya kau datang sho' dalam itu pun ada sho' kau, datang miskin, dalam negara ini ada miskin, serba serbi-nya, ....."

**Mr President:** Saya harap tuan rengkaskan perchakapan tuan itu sadikit supaya memberi peluang orang lain dapat berchakap.

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Dato' Yang di-Pertua, saya pun hendak rengkaskan juga dengan sa-berapa boleh-nya. Ini-lah yang susah yang saya katakan tadi, Dewan Ra'ayat bermeshuarat berhari<sup>2</sup> yang kita ini dengan tergopoh-gapah selalu jadi pekak telinga, pedeh, bawa beg naik lalu ini puak rubber stamp sudah mari, dudok sini na' luas sadikit ta' boleh, bawa beg puak Dewan Senget sudah mari. Jadi di-sini keluar sadikit pun ta' boleh, jadi saya pun tidak tahu hendak kata apa.

Dato' Yang di-Pertua, di-harap bagi pehak Kerajaan kita ini dapat dua<sup>2</sup> buah negeri itu, tolong-lah ambil chara<sup>2</sup> yang membawakan kebaikan negara kita ini, perkembangan agama dalam soal<sup>2</sup> agama yang sesuai dengan pemerentahan, di-perkembangkan di-sana dengan chukup<sup>2</sup> kapada orang<sup>2</sup> yang ada di-sana daripada orang<sup>2</sup> Melayu yang menjadi ra'ayat di-sana yang ta' balek ka-sini supaya orang<sup>2</sup> yang pergi ka-sana tidak membawa balek perkara<sup>2</sup> yang rumit yang susah-nya wakil<sup>2</sup>-lah besok yang pechah kepala.

Dato' Yang di-Pertua, bagitu juga perkara yang berkaitan dengan terjadi-nya di-Dewan Ra'ayat—perkara bakal<sup>2</sup> haji. Tempelak<sup>2</sup> sudah berlaku, saya takut satu dengan jiran tetangga di-Indonesia sana pun sudah bangkit konfrantasi, sudah kelamkabut dengan kita, sudah na' putus. Kita harap talak dua-lah, jangan-lah talak tiga; ada lagi rujok, ada dapat rujok balek.

Lepas daripada itu sa-buah lagi sudah berlaku—dengan Pakistan. Kita harap juga talak dua, bukan talak tiga. Ini-lah pula kalau di-bangkitkan tidak kena gaya-nya pula, silap<sup>2</sup> pula putus satu lagi. Jadi dengan chara putus dengan negeri<sup>2</sup> ini, putus perhubungan, lagi kelam-kabut.

Negeri ini tempat kita, mahu tidak mahu, terpaksa orang kita terpaksa kena pergi ka-tempat<sup>2</sup> itu, ada satu rukun yang terpaksa hendak kena buat. Jadi berbangkit perkara fasal haji—saya ini pun lama juga dudok di-sana. Perkara fasal jualan<sup>2</sup> kapada orang<sup>2</sup> haji, jadi satu bahan di-ucapkan di-dalam Dewan Ra'ayat, pada hal yang saya tahu, saya pun lama bukan hendak bela Kerajaan Saudi Arabia, tetapi sa-bagai tempat itu tempat haji—saya pun lama di-sana. Tumbuhnya perkataan tipu-menipu macham<sup>2</sup> chara, bawa barang<sup>2</sup> pergi jual kapada orang haji. Kalau orang bawa barang itu jual kapada kita, kalau kita tidak mahu beli, apa salah-nya. Orang hendak jual barang, kalau kita tidak mahu beli, tidak-lah patut dia chekek leher. Mengapa di-bangkit<sup>2</sup>kan perkara itu.

Saya takutkan, ini sa-buah negeri, sa-buah negeri jadi putus besok, kita sudah dudok di-tinggalkan macham kera sumbang—takut putus. Sa-bagai Dewan ini yang di-ucapkan oleh sa-tengah<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat—Senate—elaun pun tidak boleh sama—sana \$750.00 di-sini \$500.00—sama? Tidak boleh! Kita berfikir panjang di-atas satu<sup>2</sup> perkara, jangan berlaku-nya kedudukan di-antara sa-buah negara dengan sa-buah negara, khas-nya tempat yang kita terpaksa menunaikan rukun<sup>2</sup> haji yang lima di-sana. Kalau tumbuh-nya di-hati mereka kesedehan di-atas paluan<sup>2</sup> yang timbul di-Dewan Ra'ayat ini—ma'alum sahaja-lah—Kerajaan Arab Saudi, kalau tidak silap saya, ini Kerajaan kaya—raja minyak. Dahulu di-Mekah boleh di-katakan terlalu banyak orang haji kadang<sup>2</sup> berlari dengan taun, tetapi sa-panjang jalan sekarang di-ikhtiarkan, di-usahakan kesihatan<sup>2</sup>, boleh di-katakan orang yang menjaga kesihatan sa-panjang jalan, di-buat-nya jalan berbatu<sup>2</sup> kerana hendak memberi orang<sup>2</sup> haji ini pergi mengambil haji dengan senang.

Tiba<sup>2</sup> dengan kerana perkara kechil, fasal nama, ada tipu helah pula mengambil nama orang—"kalau hang hendak buboh nama hang, tolong-lah tukar nama saya Awang Dokek dahulu, apa yang sesuai bagi saya". To<sup>2</sup> Sheikh fikir juga, sebab saya pun tahu perkara ini yang banyak daripada sa-belah Indonesia-lah nama pelek<sup>2</sup>, sa-belah kita ini pun ada juga tetapi sa-belah kita ini kurang nama<sup>2</sup> itu bagus, jadi dalam sa-tengah<sup>2</sup> negeri nama<sup>2</sup> itu tidak bagus, meminta kepada To' Sheikh kadang<sup>2</sup> tok' ulama<sup>2</sup>, "Tuan tolong-lah menamakan saya ini"—dia pun—saya pun boleh tunjukkan chara-nya itu, buka kapala lutut ambil serban ikat di-kepala, ambil letak di-atas kepala itu . . . . . (bahasa Arab). Erti-nya, aku namakan ini si-anu, si-anu,—alfa-tihah! Bachalah fatimah meminta berkat, tolong-lah ubah nama saya ini. Ini bukan kerja tipu, kita yang hendak—orang kita yang hendak, begitu juga mereka, kita yang hendak. Kalau di-angkat perkara<sup>2</sup> dalam Dewan Ra'ayat sa-tengah Wakil Ra'ayat tidak tahu,

mari-lah dengan sedeh. Hendak retak, yang saya takutkan ini sa-buah negeri, sa-buah negeri, lama<sup>2</sup> kelam-kabut kita.

Jadi saya perbetulkan balek perkara ini yang sa-benar-nya tidak salah kita. Kurang daripada Duta<sup>2</sup> kita yang ada di-sana, yang bertanggung-jawab di-sana, bukan dudok di-pejabat hendak menjalankan case passport sahaja, tetapi yang banyak lagi, wakil kita di-sana—diplomat—apa-kah kerja-nya? Dia kena masok merata cherok di-mana Tok<sup>2</sup> Sheikh yang berasa nampak-nya merbahaya kapada kita, masok beri tahu—ini dia chara bagi kita, ini chara-nya. Tidak ada yang lain<sup>2</sup> bila mana saya bercherita, aku sudah tahu case itu jangan di-kachau<sup>2</sup> ini, tetapi kalau kita dudok diam sahaja, ashek dudok hendak dudok tunggu passport, orang haji datang sahaja baharu hendak buat kerja, mana boleh macham itu. Ini-lah dia, Dato' Yang di-Pertua, yang saya dapat kerana saya ini pun banyak gang di-Mekah, jadi perkhabaran banyak datang pada saya, walau pun di-Khairah pun gang saya banyak. Saya minta-lah perkara ini di-perbetulkan.

Sa-lain daripada itu, sedikit mengenai kedudukan penuntut<sup>2</sup> yang balek daripada Al-Azhar, supaya dapat satu pertimbangan, bukan-lah sa-kadar yang mana balek dari Al-Azhar itu boleh dudok dalam jawatan ugama sahaja, kerana mereka juga dapat pengalaman yang banyak. Jangan pula sa-tengah<sup>2</sup> memikirkan kalau pergi belajar ugama dudok dalam sekolah<sup>2</sup> ugama atau di-University Al-Azhar juga pelajaran ugama sahaja, tetapi hendak-lah kita fikirkan. Istilah dalam perkara ugama penoh dengan pengertian, sebab itu saya juga ingin hendak menerangkan ugama, bila sebut ugama sahaja, kesemua-nya sudah masok, penuntut<sup>2</sup> yang pergi di-luar negeri itu mempelajari dalam Al-Azhar bukan sa-mata<sup>2</sup> perkara ugama sahaja. Supaya harap dapat pertimbangan daripada penuntut<sup>2</sup> yang balek daripada negara itu, bukan sa-kadar boleh dudok menjadi guru ugama sahaja atau dudok di-sekolah<sup>2</sup>

menengah sahaja atau pun boleh duduk di-radio sahaja—sebab dia boleh berchakap Arab—tetapi di-dalam jawatan<sup>2</sup> yang lain patut juga di-pertimbangkan mengikut kelayakan-nya. Kita belanja banyak juga wang sara di-beri sa-masa di-Khairah sana.

Satu lagi, saya harap pada Kerajaan, di-Madinah juga ada satu University supaya dapat pula Kerajaan kita mahu mengambil peranan meletakkan pula satu asrama di-Madinah sana. Tempat pemimpin alam ada di-sana-kubor junjongan kita Nabi Muhammad (s.a.w.), University ada di-sana, di-Madinah. University sana, sara pun chukup pada hal anak<sup>2</sup> Melayu yang pergi—sara di-beri chukup, tempat tinggal dengan makanan semua-nya wang poket lagi di-beri, bukan ra'ayat dia, tetapi bagitu sa-kali segala penuntut patut-lah bagi pehak Kerajaan mengadakan pula asrama di-Pusat Perkembangan Islam yang menjadi agama rasmi di-negeri kita ini di-Madinah sana, tolong buka satu untuk kita dapat menghantarkan penuntut<sup>2</sup>, ilmu pengetahuan yang ghaib dan ilmu khas-nya perkara ugama yang menjadi rasmi di-negeri kita ini supaya jangan Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur, Che' Aishah, fasal perche-raian dalam Islam kita, banyak sangat supaya di-adakan undang<sup>2</sup> lebeh ketat. Sa-benar-nya itu semua-nya ada, tidak ada apa yang kurang pun dalam Undang<sup>2</sup> Islam. Tetapi malang-nya yang memegang jawatan itu hingga yang duduk dalam pejabat sendiri. Terjadi satu perkara ini saya hendak bercherita, sudah bertengkar dengan dia sa-bagai sa-orang ahli, apa dia, perkara Insurance nyawa, sama ada kita masok dalam sharikat<sup>2</sup> bagitu juga dalam insuran. Dia ada sa-orang ya'ani penama, orang yang di-namakan sa-orang lagi, menjadi warith dia. Jadi tumbuh di-atas perkara wang<sup>2</sup> yang di-dapati daripada jaminan yang akan di-bayar daripada insuran nyawa, kalau sa-saorang itu masok insuran-nya dengan masa, katakan-lah 50 tahun atau pun 30 tahun dengan bayaran<sup>2</sup> yang sekian<sup>2</sup>. Kalau dia tidak mati wang itu sa-olah<sup>2</sup> macham wang simpanan, ada lagi tambahan, apa orang panggil 'bonos'.

Berbangkit perkara ugama ini mengenai wang itu boleh-kah di-jadikan wang pesaka? Maka tumbuh-nya keputusan sa-mata<sup>2</sup> wang yang di-bayar kepada tiap<sup>2</sup> bulan, kalau dia di-masokkan sa-lama 55 tahun, saya mithalkan, dalam satu tahun 2 tahun dia pun mati. Jadi wang yang dapat itu, oh, tidak boleh, yang boleh di-jadikan wang peninggalan dia ia-lah wang sa-mata<sup>2</sup> yang di-bayar tiap<sup>2</sup> bulan. Yang ini dia tidak dapat. Pada hal kalau dia mati dalam masa dua tahun, wang itu dia dapat kalau \$30—\$30-lah. Jadi wang itu, sebenar-nya lari di-mana? Kerana jaminan itu, kalau wang ini tidak di-ambil, jadi wang itu hendak di-lampirkan kamana? Kalau wang itu sa-benar-nya wang si-mati itu, maka wang itu sudah jadi pesaka. Kalau anak kechil pula, anak tidak baligh, erti-nya orang petuakan, mengharamkan, me-lenyapkan wang si-anak yatim, me-lenyapkan wang anak yatim, kesalahan amat besar. Saya bukan hendak menjadi mufti pula dalam Dewan ini. Jadi saya harap dapat pertimbangan supaya orang<sup>2</sup> yang dapat didekan dalam perkara ugama tahu selok-belok sa-benar-nya datang di-pusat<sup>2</sup> yang betul<sup>2</sup> faham dengan perkara kedudukan, bukan sa-kadar mengajar fardzu sembahyang sahaja, bukan hendak mengajar puasa sahaja, tetapi selok-belok dalam kedudukan ugama supaya jangan bertelengkah perjalanan kita sa-bagai ugama rasmi dengan Kerajaan biar berkembang berjalan dengan baik, itu tujuan kita.

Itu saya ulang sa-kali lagi, tolong-lah pehak Menteri yang ada di-sini supaya menyampaikan, tolong buka satu lagi Asrama di-Madinah mudah<sup>2</sup>an dengan berkat pertolongan itu tiap<sup>2</sup> maulud, tiap<sup>2</sup> tahun, bila sampai 12 Rabiul Awal—chuti, pasal mera'ikan junjongan kita Nabi Muhammad (s.a.w). Tempat sini di-buka satu Universiti bukan mengajar ugama sahaja yang saya tahu, sedangkan sekolah anak yatim yang ada di-Madinah, anak<sup>2</sup> yatim yang ada sekolah Madinah itu di-buat per-usahaan<sup>2</sup>, sama ada kasut dan lain<sup>2</sup>, lebeh baik daripada orang<sup>2</sup> yang buat di-luar yang berniaga ini. Bagitu punya

elok-nya pengajaran di-beri, nilai harga-nya lebeh. Jadi kalau buka di-sana satu, banyak-lah dapat anak<sup>2</sup> muda kita balek mengambil peranan dalam pemimpin agama Islam yang menjadi agama rasmi.

Akhir sa-kali, Dato' Yang di-Pertua.....

**Mr President:** Lekas-lah, beri peluang orang lain hendak berchakap.

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Habis, saya pun tidak ada lagi, biar-lah apa yang terbuku di-hati ini terpendam shor<sup>2</sup> saya di-dalam perkara Talivishen—Bahagian Penerangan. Sunggoh pun dalam Talivishen itu kadang<sup>2</sup> ada juga mimbar agama, jadi patut-lah dalam Talivishen itu di-adakan forum<sup>2</sup>, mimbar UGAMA di-dalam 4 macham; dalam bahasa Inggeris, dalam bahasa China—orang China pun banyak masuk Islam sekarang—bahasa Tamil, bahasa Melayu, tetapi biar-lah 4 ini berjalan satu faham. Jangan di-dalam bahasa Melayu chara satu macham, dalam bahasa China pula satu macham di-bawa, dalam bahasa Inggeris satu macham—tidak boleh—biar sa-kata, supaya si-China dengar pun sa-rupa, si-India dengar sa-rupa, si-Melayu pun dengar sa-rupa, si-Inggeris dengar pun sa-rupa. Mudah<sup>2</sup>an yang di-rasmikan itu dapat berjalan dengan lichin dan keseluruhan-nya orang faham, bukan di-beri cherita di-da'am bahagian forum agama, di-titek-bengek perkara ranchak masuk da'am laut, haram-kah, halal, nanti dahulu ini. Kita mahu kira negara ini yang sesuai dengan kedudukan agama rasmi dengan tidak salah silap nanti perkara itu titek-bengek tidak menjadi hal lagi. Itu satu daripada shor supaya kalau sa-kira-nya balek anak<sup>2</sup> kita daripada Khairah, daripada Madinah, daripada mana<sup>2</sup> negeri, dapat berkumpul memberi cheramah dalam bahagian<sup>2</sup> forum atau pun dalam Talivishen atau Radio atau lain<sup>2</sup> yang menasabah mengenai kedudukan agama di-negeri kita ini.

Akhir sa-kali—Bahasa Kebangsaan.

**Mr President:** Dua tiga kali dah akhir! (*Ketawa*)

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Ini habis langsung, habis

ini yang akhir betu!<sup>2</sup>.

Bahasa Kebangsaan tahun 1966—hendak masuk tahun 1967 sudah dekat. Tetapi sa-makin dekat sampai saya tengok dalam Dewan ini pun muka saya naik tempelak. Saya chatit daripada sa-orang ka-saorang, chakap Melayu sudah tidak mahu lagi-lah. Semua berchakap bahasa Inggeris. Betul berchakap bahasa Inggeris, pada masa ini—ya. Tetapi mana boleh sedap terbit daripada lidah-nya sendiri daripada duduk mendengar terjemahan. Kadang<sup>2</sup> sa-tengah-nya berchakap lekas macham berteh. Mana tahan si-penterjemah hendak ikut dia berchakap macham keretapi. Baharu hendak berchakap lagi dia sudah pergi jauh dan kita yang menerima pun tidak dapat, chakap mana lebeh daripada berteh dalam buloh—chepat. Kalau dia chakap dengan satu bahasa, senang juga sadikit, sebab itu di-gunakan bahasa kebangsaan yang tunggal di-negeri ini. Sunggoh pun sekarang ini berjalan tetapi lateh-lah, apa salah-nya. Yang aneh-nya si-Melayu sendiri: Ada pula yang menudoh Radio daripada orang kita orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu berchakap di-situ pelat. Tetapi sa-tengah-nya pula dia sendiri takut berchakap kerana dia takut pelat. Pada hal dia benar<sup>2</sup> Melayu dia takut pelat orang lain tidak apa, pada hal pelat<sup>2</sup>nya di-fahami. Saya fikir saudara kita dalam Dewan ini pun pelat tetapi tidak pelat macham apa pula. Berchakap Inggeris juga, jadi saya tidak mengerti. Jadi minta ma'af-lah, Tuan Yang di-Pertua, sa-kali pun apa yang di-dalam hati saya ini banyak sampai besok pagi pun tidak habis—minta ma'af. Tuan Yang di-Pertua, kalau salah silap dan saya minta-lah layanan di-Dewan Senate ini biar-lah terpachak sadikit, supaya janaan Dewan ini langsung runtuh. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

**Enche' Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai hari ini, tiga hari—Dewan Negara menimbang-kan Rang Undang<sup>2</sup> Belanjawan tahun 1966, dan saya nampak tiap<sup>2</sup> Ahli ingin menyampaikan pendapat sahingga kerana itu hari yang ketiga baharu saya dapat peluang berchakap.

Sa-waktu Yang Berhormat Menteri Kewangan menyampaikan ucapan-nya yang kurang lebeh 78 muka kepada Dewan Ra'ayat dan salinan ucapan ini chuma di-kirimkan kepada tiap<sup>2</sup> Ahli Dewan Negara, saya dapati banyak perkara<sup>2</sup> yang dapat di-perdebatkan, akan tetapi sa-lama lebeh daripada berbelas<sup>2</sup> hari di-dalam Dewan Ra'ayat telah di-binchangkan sa-chara perinchian, maka pada pendapat saya bagi menghormati Dewan dan masa kita, tidak-lah mesti di-ulangi soal daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu.

Tetapi bagaimana pun, saya meng-alu<sup>2</sup>kan ucapan Ahli Yang Berhormat itu bagi Ranchangan tahun 1966 yang mana beliau telah mencheritakan senang dan susah, pahit dan maung, yang di-hadapi oleh Kerajaan. Kesu-sahan itu dapat kita rasa'i bersama, oleh kerana kekurangan wang. Tetapi chita<sup>2</sup> terlalu besar saperti yang te'ah saya katakan dalam ucapan dalam perbahathan Majlis Amanah Ra'ayat. Masalah pokok tidak mahu di-se'lesai-kan sebab itu timbul-lah kesusahan kepada kita. Yang demikian tidak ada jalan lain me'ainkan naikkan chukai. Menaikkan chukai saperti yang telah di-jalankan pada tahun ini ia-itu menaikkan atau mengadakan satu jenis chukai<sup>2</sup> tutup botol. Tentu-lah meng-ge'likan hati kita semua apabi'a Menteri Kewangan sendiri mengakui bahawa dalam perlaksanaan-nya amat sulit. Kerana ada sa-tengah<sup>2</sup> sharikat peng-guna<sup>2</sup> bahan<sup>2</sup> minuman dalam botol menggunakan tutup lama dan ada pula yang menukar dari botol kepada tin. Jadi mahu tidak mahu, sumber yang telah di-chadangkan untuk mendapat kewangan bagi negeri ini terpaksa di-tutup kempa'i. Erti-nya Kerajaan sedar bahawa penipuan daripada orang<sup>2</sup> yang berkenaan te'ah berlaku untuk menge'akkan diri mereka bertanggung-jawab membayar chukai kepada neera ini. Tetapi yang aneh-nya sa-kali tidak ada satu t'ndakan pun yang telah di-ambil oleh Kerajaan dari segi undang<sup>2</sup>, kalau tidak ada undang<sup>2</sup> adakan undan<sup>2</sup> sa-panjang tahun 1965 ini, tetapi tidak pernah di-adakan.

Akhir<sup>2</sup>-nya di-da'am ucapan Men-teri Kewangan di-Dewan Ra'ayat.

di-jelaskan-lah, terpaksa di-tarek balek, masaalah chukai botol. Di-dalam tahun 1966 akan datang di-timbuikan satu perkara baharu menggantikan chukai tudong botol—chukai talipon. Lebeh daripada 100 call kenakan 10 sen. Chukai ini juga sedang menerima ten-tangan semenjak dalam bedongan-nya lagi. Telor-nya belum menetas, anak-nya belum keluar tetapi dalam bedongan, dalam telor, telah di-tentang saperti Chukai Tutup Botol, saperti *Turnover Tax*. Barangkali kalau saya mengatakan saya perchaya, mungkin saya tidak berbohong kepada diri saya chukai talipon ini akan berubah, walau pun Ahli<sup>2</sup> Perikatan sa-terus-nya ada yang mempertahankan sikap Kerajaan, dasar Kementerian Kewangan.

Di-dalam soal chukai tutup botol waktu *Budget Meeting* tahun sudah, tetapi akhir<sup>2</sup>-nya Kerajaan surrender, Kerajaan hanya sa-kejap sahaja sang-gup jadi *Steam roll*, untok jadi steam roll sa-bentar kemudian itu dia gostan (go astern) juga. Bagini juga soal talipon. Sa-bahagian penyokong<sup>2</sup> Kera-jaan ada yang menyokong habisan<sup>2</sup> kerana mereka perchaya bahawa apa yang Kerajaan hendak buat itu baik. Kebetulan pula mereka itu anggota party. Di-dalam Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara ini pun sa-bentar tadi kita ada dengar bagaimana ada ang-gota mempertahankan apa yang Kera-jaan hendak buat itu baik. Tetapi kalau tidak sa'ah apa yang saya fikir-kan chukai talipon ini akan menerima perubahan dan mene'git jari-lah mereka<sup>2</sup> yang mempertahankan dasar Kerajaan yang boleh berubah satu hari sa-nuloh kali.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita melihat perkembangan demokrasi di-negeri k'ita ini, sa-kali pun kadang<sup>2</sup> saya fikir kita telah lebeh daripada demokrasi terp'mpin—malah-lah ter-tekan—tetapi bagaimana pun dari dalam sedang tumbuh dan tumbuh ini-lah membawa sinar harapan yang sa-baik<sup>2</sup>-nya bagi perkembangan de-mokrasi tanah ayer kita ini zaman hadapan. Saya katakan bagitu, Tuan Yang di-Pertua, sebab sungguh pun kenyataan menunjukkan jumlah Pem-bangkang dalam Dewan Ra'ayat tidak-lah sa-demikian besar-nya saperti

jumlah Pembangkang sa-belum tahun 1964, demikian juga dalam Dewan Negara ini. Tetapi perubahan<sup>2</sup> yang berlaku di-dalam Dewan Ra'ayat, juga di-dalam Dewan Negara, yang di-katakan rubber stamp telah sa-makin panas dan menarek. Menarek kata saya, Tuan Yang di-Pertua, kerana bukan hanya apa yang di-katakan manusia<sup>2</sup> Pembangkang sahaja yang berchakap sa-bagai sifat-nya Pembangkang, tetapi Ahli<sup>2</sup> daripada pehak Kerajaan sendiri pun telah mulai, sa-olah<sup>2</sup> mereka pula saperti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan satu perkataan dapat kita katakan, kalau ini telah terbukti dalam Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara, tanda-nya tidak ada ko-ordinasi di-kalangan parti pemerintah sendiri. Sa-benar-nya kalau ada sa-suatu yang patut kita malu—Kerajaan-lah—maka gejala<sup>2</sup> yang sudah terjadi akhir<sup>2</sup> ini patut-lah terasa malu.

Tuan Yang di-Pertua, masa yang lalu banyak 'yes', tetapi oleh kerana tidak tahan menahan perasaan yang bengkok di-dalam dada, tidak tahan telinga mendengar sungutan ra'ayat di-kampung<sup>2</sup>, akhir-nya di-kalangan penyokong<sup>2</sup> Kerajaan sendiri telah timbul initiative untuk menyatakan 'no' dan tidak sa-lama<sup>2</sup>-nya 'yes'. Saya ingin mengatakan kepentingan demokrasi negeri ini, tiap<sup>2</sup> orang ra'ayat harus berdiri di-atas dasar yang benar, mempertahankan yang benar, memperkatakan yang benar dan untuk itu kita harus bersikap saperti kata pepatah, biar sa-hari hidup sa-bagai singa, jangan sa-ribu tahun hidup sa-bagai kucing menjilat<sup>2</sup> sa-mata<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, sukachita saya menarek perhatian Dewan ini kepada peranan yang di-mainkan oleh Perdana Menteri dan oleh Jabatan Perdana Menteri. Satu daripada-nya berkenaan dengan pemisahan Singapura—tindakan daripada Kerajaan sendiri. Saya perchaya saya tidak silap, apabila Singapura keluar bererti satu bintang atau satu jalor di-dalam bendera kita ikut keluar. Tetapi sampai hari ini, sa-panjang yang saya maseh ingat, belum ada perubahan terhadap bintang

yang 14 buchu-nya atau jalor yang 14 kapada bendera-nya berubah. Dia mesti di-ubah sa-hingga tinggal angka 13—13 buchu bintang, 13 jalor di-bendera kita. Sampai hari ini Kerajaan belum mengubah. Apa-kah dari kalangan Menteri<sup>2</sup> Kerajaan Perikatan ini orang<sup>2</sup> atau manusia<sup>2</sup> yang perchaya kapada tahyul? Perchaya kapada suatu yang timbul di'alam fikiran orang<sup>2</sup> barat, benchi kapada angka 13 sa-bagai unlucky number. Saya tidak tahu pula apa-kah orang bijak (intellectual) yang menjadi Menteri<sup>2</sup> ini menerima kapada perkara tahyul, yang angka 13 ini sial? Atau mungkin Kerajaan maseh mengharapkan<sup>2</sup> Brunei masok Malaysia? Saya fikir jauh pangang dari api. Sebab British yang membuat Malaysia dan British yang menentukan apa yang patut di-buat.

Tuan Yang di-Pertua, sa-waktu bentokan Malaysia, telah saya katakan, tanpa Brunei, Malaysia merupakan satu pinggan yang sumbing. Tetapi pinggan sumbing ini di-jalankan terus, kita keluarkan Singapura, maka dia telah berlubang di-tengah<sup>2</sup>-nya. Untuk mengharapkan Brunei masok, dia telah boleh masok dari dahulu, kalau tidak timbul soal Indonesia menuntut supaya di-adakan penyiasatan daripada Bangsa<sup>2</sup> Bersatu. British tahu kalau di-adakan penyiasatan ka-atas ra'ayat Brunei, ra'ayat Brunei tidak akan mahu masok Malaysia. Maka gagal-lah diplomasi British. Lebeh baik Brunei jangan masok Malaysia. British dengan British Adviser-nya saperti di-negeri<sup>2</sup> kita dahulu, dan demikian pula Brunei, nasehat-nya mesti di-ikut. Kalau tidak kerana tentangan dari Indonesia, meminta supaya United Nations cham-por tangan, menanya pendapat ra'ayat, tentu Brunei telah masok. Sebab? Sebab British boleh berbuat bagitu. Dan tujuan yang di-buat Malaysia ini pun bagi kepentingan ekonomi British—mempertahankan kepentingan British.

Tuan Yang di-Pertua, sa-sudah Singapura keluar, pada fikiran kita habis-lah. Demikian-lah yang di-sebut<sup>2</sup> di-dalam ucapan atau perbahathan mengenai Bill mengeluarkan Singapura daripada Malaysia. Tetapi rupa-nya

penyakit ini tidak habis dengan dikeluarkan sahaja. Dia terus-menerus menimbulkan pening kepala kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia, khusus-nya kepada Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj. Dari Singapura, mereka berteriak, kita ada-lah sa-buah Kerajaan yang berseh. Tidak demikian hal-nya dengan Malaysia yang corrupted. Apa? Dahulu dia dalam Malaysia, boleh kita ambil tindakan. Sekarang di-luar Malaysia, mempunyai kedaulatan dan di-akuī oleh bangsa<sup>2</sup> di-dunia de facto-nya dan de jure-nya.

Tuan Yang di-Pertua, nyata-lah kita terpaksa menghadapi semua perkara yang timbul di-dalam negara ini, atau di-timbulkan oleh Singapura yang dikeluarkan daripada Persekutuan Malaysia, mahu atau tidak mahu. Image Malaysia di-luar negeri, walau apa pun hendak di-pertahankan oleh seluruh anggota Kabinet di-dalam Dewan ini, tiap<sup>2</sup> orang tahu image Malaysia telah jatuh, sa-jatoh<sup>2</sup>-nya. Apa-tah lagi, dengan perpechahan Singapura, maka bertambah kuat, dan bertambah baik peluang bagi golongan<sup>2</sup> yang ingin menjatuhkan lagi image Malaysia dengan sa-bebas-nya.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus-lah berikhtiar menjadikan Kerajaan ini dan negara kita ini, satu negara yang tidak ada rasuah. Kita mempunyai Jabatan Penchegah Rasuah. Tetapi saya tidak dengar, ada tangkapan<sup>2</sup>, pembicharaan<sup>2</sup> yang berlaku, hasil daripada rasuah. Konon khabar-nva, sudah berganti<sup>2</sup> Ketua Jabatan Penchegah Rasuah ini. Entah kerana tidak seronok kerja di-sini, entah kerana tertekan perasaan jiwa-nya dalam memegang kerja Ketua Jabatan ini, entah baaimana, Tuhan-lah yang mengetahui. Tetapi, saya mahu mengatakan rasuah sangat-lah sukar hendak di-berkas, kalau di-kehendaki saksi<sup>2</sup> dan kalau di-kehendaki di-bawa ka-dalam mahkamah. Jalan yang palng baik, kalau timbul sa-suatu tuduhan mengenai rasuah, adakan Surohaniaya Penviasat. Saya perchaya dia akan terbuka—banyak tembelang di-dalam negeri ini pun akan terbuka. Dan negeri kita berseh—nama kita baik. Bukan-kah itu yang

lebih baik? Apa guna harta berkarong<sup>2</sup> kalau nama-nya busok dan rendah? Biar hidup miskin, tetapi jiwa-nya besar dan dia di-hormati orang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mital-nya, saya tidak ikut menudoh dalam perkara Rahman Talib. Kalau Kerajaan membenarkan . . . . .

**Dato' Sheikh Abu Bakar:** Sir, on a point of order—Standing Order 35 (2). The case is still *sub judice*. Can the Honourable Member touch on that?

**Enche' Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham, Standing Order tidak membenarkan kita menyentoh perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah. Tetapi, saya tidak menyentoh perkara-nya—saya membuat chontoh tentang kejadian.

Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara ini di-terima, adakan Surohanjaya Penyiasat, tidak-lah menjadi fasal berpanjang<sup>2</sup>. Kalau benar, benar-lah, kalau tidak, tidak-lah. Siapa salah siapa yang bertanggung-jawab. Tetapi ini tidak, akibat-nya timbul-lah perbahathan di-Dewan Ra'ayat yang begitu panjang, begitu hebat, di-dalam perkara Supplementary Bill yang saya sengaja tidak ikut berbahath di-dalam Bill itu baharu<sup>2</sup> ini. Perbelanjaan wang ra'ayat sa-banyak \$88,000, wang ra'ayat itu wang amanah, amanah ra'ayat supaya di-belanjakan oleh Kerajaan dengan betul di-tempat yang betul. Tetapi Kerajaan telah belanjakan di-satu tempat yang tidak menyenanakan hati ra'ayat. Mengapa Parti Perikatan tidak mengeluarkan wang? Mengapa tidak timbul ura<sup>2</sup> atau terdengar berita mengatakan orang Perikatan atau orang UMNO khusus-nya mengeluarkan derma untuk perbicharaan atau perbelanjaan untuk menanggung belanja perbicharaan itu?

Tetapi Syed Jaafar Albar telah diberi bantuan moral dan wang oleh orang<sup>2</sup> Perikatan. Mengapa? Tentu ada sa-suatu di-pehak orang<sup>2</sup> Perikatan sendiri. Penggunaan wang ini telah diluluskan oleh Dewan, tetapi ini harus menjadi satu pengajaran kepada Kerajaan Perikatan bahawa jangan-lah chuba<sup>2</sup> hendak terus jadi steam roll. Fikir-lah apa yang di-katakan oleh

Pembangkok atau yang di-katakan oleh pengikut<sup>2</sup>-nya sendiri yang kebetulan tidak menjadi Menteri sebab demokrasi yang sa-benar<sup>2</sup>-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah apa yang di-katakan fikiran<sup>2</sup> yang di-hormati dan suara<sup>2</sup> yang di-dengari, tanpa ada fikiran manusia<sup>2</sup> yang lain di-dengari Kerajaan, tanpa ada suara<sup>2</sup> ra'ayat yang di-suarkan oleh wakil<sup>2</sup> kepada Kerajaan, tidak ada ma'ana dan tidak ada erti demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi yang saya ingin sentoh ia-lah soal pilihan raya. Pilihan raya telah kita tugaskan kepada Surohanjaya mengenai dengan pilihan raya. Tiap<sup>2</sup> tahun boleh di-katakan Surohanjaya ini menjalankan pendaftaran sa-mula pengundi<sup>2</sup>. Tetapi chara pekerja<sup>2</sup>-nya tidak-lah begitu memuaskan. Saya tidak mahu berchakap panjang tetapi saya mahu memberi satu chontoh supaya di-perbaiki sa-chepat mungkin. Saya sa-orang warga-negara Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai hak (entitle) menjadi sa-orang pengundi dan memang saya telah pun menjadi pengundi. Tetapi kalau satu pilihan raya di-adakan dalam waktu yang singkat ini, dua atau tiga bulan ini, saya telah di-nafikan hak-nya untuk mengundi. Mengapa ini terjadi, Tuan Yang di-Pertua? Baharu<sup>2</sup> ini gerakan pendaftaran mengundi orang<sup>2</sup> baharu atau pertukaran orang<sup>2</sup> lama semua-nya berlaku di-seluruh negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu. Datang sa-orang pendaftar ini ka-rumah jam 11.00 pagi yang kebetulan saya tidak ada. Oleh kerana alamat rumah saya berubah, masuk dalam kawasan pengundi juga, tetapi rumah-nya berubah jadi di-isi-lah Borang B hanya untuk isteri saya dan tidak untuk saya dan tidak untuk sa-orang lagi dalam rumah saya yang patut dan berhak mengundi kerana dia telah chukup 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-nya saya tidak ada di-rumah, dan sa-orang lagi yang telah genap umur 21 tahun dan berhak mendaftar sa-bagai pengundi, pun pergi kerja dan tidak ada di-rumah. Kerana itu saya dan sa-orang lagi telah di-nafikan hak-nya untuk mengundi. Jadi terpaksa-lah

saya bekerja, berusaha pula menyemak pergi membetulkan balek perkara ini. Itu-lah sedang saya tunggu<sup>2</sup>kan. Tetapi mengapa saya mesti pergi ka-tempat menyemak meminta di-betulkan balek pada hal benda itu tidak perlu jadi begitu. Sebab nama saya memang ada dalam buku pengundi. Kalau nama isteri saya yang juga ada di-dalam buku pengundi boleh di-daftar di-beri kad tanda dia telah di-daftarkan dan di-ubah di-dalam form B tetapi mengapa saya tidak boleh di-daftar pada hal saya tuan rumah? Dia datang ka-rumah saya, dia tahu rumah saya. Tetapi ini-lah kejadian yang di-harap tidak akan di-biarkan kejadian samacham ini berlaku kerana sungatan<sup>2</sup> mengenai pendaftaran ini berbagai tempat berbagai macham rupa-nya telah di-sungutkan oleh ra'ayat melalui akhbar<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita hendak menyentoh sedikit lagi tentang soal luar negeri. Satu daripada perkara yang sangat menarek perhatian saya, saya perchaya menarek perhatian sabahagian besar ra'ayat negeri ia-lah satu perubahan kita yang gilang gemilang dan sejarah telah menchatitkan ia-itu kemenangan diplomasi kita yang mengakibatkan putus-nya hubungan dengan Pakistan. Putus-nya hubungan negara kita dengan Pakistan, negeri yang tidak berperang dengan Pakistan, bukan kerana kita melanggar Pakistan atau mengishtiharkan perang—tidak. Yang berperang ia-lah India dengan Pakistan—satu bangsa bersaudara yang berlainan ugama yang terpechah sudah kemerdekaan mereka baharu<sup>2</sup> ini.

Tetapi soal-nya bagi kita, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita sendiri lebeh suka mempertahankan wakil kita di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu atau di-Majlis Keselamatan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu daripada mempertahankan kedudukan kita yang berkechuali dalam pertentangan yang berlaku di-dalam atau di-antara negeri<sup>2</sup> Commonwealth sendiri. Diplomasi yang telah kita jalankan, Tuan Yang di-Pertua, diplomasi pentadbiran, amalan yang di-tinggalkan oleh penjah B.A. atau British Adviser tidak akan menyalahkan sa-orang pegawai

alat penjajahan di-negeri ini di-mata ra'ayat yang di-perintah, tetapi dia akan bertindak kemudian daripada itu kalau perlu untuk menukarkan pegawai yang berkenaan ka-tempat lain atau menahan atau bertindak apa<sup>2</sup> sebab moral penjajah itu hendak di-jaga, pentadbiran penjajah hendak di-jaga. Itu chara penjajahan dan itu-lah juga amalan kita, bersalah sa-kali wakil kita di-Bangsa<sup>2</sup> Bersatu. Saya tidak mahu mengeluarkan patah demi patah perkataan walau pun saya simpan keratan<sup>2</sup> akhbar tetapi kita mempertahankan habis<sup>2</sup>an yang berakibat putus-nya hubungan diplomatik Pakistan dengan negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengerti mengapa kita hanya menjalankan diplomasi pentadbiran tetapi tidak menjalankan diplomasi sa-buah kerajaan. Apa barangkali kita ini belum matang di-dalam chara diplomasi, belum matang dalam chara perhubungan international akibat lama benar kita ini terjajah, akibat lama benar kita di-kongkong jiwa dan fikiran oleh British. British sendiri satu bangsa yang terkenal handal dalam politik dan bijak dalam diplomasi. Tetapi sayang Inggeris meninggalkan kita dengan tidak mengajar ilmu diplomasi kepada kita betul<sup>2</sup> seperti dia meninggalkan ilmu pentadbiran-nya kepada kita supaya kita patoh kepada pentadbiran-nya, supaya kita pakai General<sup>2</sup> Order yang di-tinggal-nya, walau pun telah lapok sesuai untuk zaman penjajah, terus kita pakai walau pun bertahun<sup>2</sup> sa-telah kita merdeka, terus kita patoh kepada kepentingan<sup>2</sup> ekonomi British yang ada dalam negeri<sup>2</sup> kita. Pertahankan habis<sup>2</sup>an walau pun miskin ra'ayat, menderitara'ayat kerana ada kepentingan<sup>2</sup> ekonomi asing itu yang di-tinggalkan kepada kita patoh untuk kepentingan dia tetapi yang patut di-ajar kepada kita telah tidak di-ajarkan kepada kita.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai orang yang patoh nampak-nya bagitu-lah Malaysia, sa-kali lagi tampil ka-muka ta' kurang dan ta' kalah juga seperti dahulu sa-waktu Malaysia tampil ka-muka dalam soal Afrika

Selatan. Kita menentang, kita mengu-tok, kita marah British dan akhir<sup>2</sup>-nya Kementerian Luar Negeri lagi menga-takan bahawa sa-nya soal di-Afrika Selatan ada-lah tanggung-jawab British.

Tuan Yang di-Pertua, lompat-lah sa-berapa tinggi yang ia ingin melom-pat; tetapi orang tahu sandiwara apa ini. Kalau telah kita faham bahawa ini-lah tanggung-jawab British yang sa-benar<sup>2</sup>-nya, mengapa kita harus bersikap maseh bodoh, bersikap sa-bagai burung kasawari menyorok<sup>2</sup>kan kepala ka-dalam pasir membiarkan badan sa-besar guni keluar. Mengapa bagitu? British, telah saya katakan dalam Dewan ini berkali<sup>2</sup>, biang keladi kepada beberapa perkara yang berlaku di-dalam dunia.

Masalah Rhodesia Selatan masa-alah besar ia-itu masalah 200,000 orang kulit putih manusia seperti kita berbanding 4 juta manusia kulit hitam yang juga seperti kita sama<sup>2</sup> manusia, sama<sup>2</sup> mankind, sama<sup>2</sup> human being. Tetapi kata British kalau sa-kira-nya kita bertindak di-Rhodesia Selatan, akan timbul civil war (Perang Saudara). British bijak, pandai berfikir, dia tahu Civil War, Perang Saudara, akan terjadi kalau tindakan di-ambil ka-atas Rhodesia Selatan kerana 200,000 orang kulit putih di-sana. Tidak demikian hal-nya di-Aden atau pun apa yang di-katakan Persekutuan Arab Selatan yang sama di-fikirkan dan di-ranchang-kan dengan Persekutuan Malaysia ini.

Di-Persekutuan Arab Selatan atau Aden itu British tidak bertanggung<sup>2</sup> lagi bertindak, menangkap, membubarkan Kabinet, menggantung Perlembagaan dan apa sahaja dan kalau perlu membunuh sa-berapa banyak orang Arab—boleh—asalkan kepentingan Britain terjamin. Tetapi mengapa Kerajaan British tidak mahu bertindak di-Rhodesia Selatan? Kerana akan timbul Perang Saudara dan itu akan merugikan British. Kalau di-biarkan Rhodesia Selatan akan menguntongkan kepentingan<sup>2</sup> British sebab itu maka berkawan-lah Afrika Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Dewan ini pernah saya sebutkan satu

perkataan yang pernah di-katakan oleh Marshall Montgomery, Panglima Perang Inggeris, yang telah mengatakannya walau bagaimana sa-kali pun akan terjadi, Afrika Selatan ada-lah penting kepada Inggeris. Sebab Tanjong Pengharapan itu telah membuktikan betapa penting-nya bagi perhubungan England dengan Australia di-masa Perang Dunia dan kejadian Perang Suez dahulu. Untuk kepentingan British, untuk kepentingan kulit putih, baik yang ada di-Barat atau yang ada di-Selatan Dunia, Afrika Selatan mesti di-pertahankan untuk kepentingan kulit putih, untuk kepentingan British dan untuk memperkuatkan kedudukan Afrika Selatan pula supaya jangan kulit<sup>2</sup> hitam ini bangun di-Afrika dengan bantuan China Kominis.

Mudah<sup>2</sup>an di-jauhkan Allah dengan kesedaran bangsa Afrika dengan bantuan mereka itu, dengan Asia-Afrika akhir-nya orang<sup>2</sup> yang berkulit putih yang sombong di-Afrika Selatan itu akan di-tendang keluar dan orang<sup>2</sup> yang berhak, akan dudok di-tempat yang hak-nya, di-Afrika itu sendiri. British tidak mahu perkara ini terjadi; dengan sebab itu mesti di-beri peluang supaya ada kawan. Ian Smith kawan yang baik kepada Perdana Menteri Afrika Selatan, dan Rhodesia Selatan pun telah menjadi pengkalan untuk kepentingan Barat. Masa pemberontakan Tshombe di-Congo dengan menegakkan Republik Katanga, maka Rhodesia Selatan-lah pengkalan, pengkalan kepada bantuan<sup>2</sup> untuk Tshombe dan Katanga.

Faham-lah kita bahawa apa yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-Katanga ada lombong tembaga, lombong berlian yang kepentingan-nya besar, kepentingan Inggeris untuk menjamin Katanga mesti bebas daripada negara atau Kerajaan Sosialist Congo, untuk itu Rhodesia Selatan harus menjadi pengkalan, untuk itu dia harus hidup untuk beberapa lama bagi kepentingan British di-Afrika. Dan sekarang ini untuk terus menguatkan lagi sa-sudah keadaan Congo berubah maka Afrika Selatan yang menjadi kera sumbang harus kekal dan Rhodesia Selatan harus hidup pula

berganding<sup>2</sup> tangan. Jadi ini semua sandiwara British apa yang Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, Perdana Menteri kita, berteriak<sup>2</sup>. Saya kata tadi bagi anggota<sup>2</sup> Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat lebeh baik jadi singa satu hari daripada menjadi kucing sa-ribu tahun.

Jalan keluar bukan hadir sidang Perdana<sup>2</sup> Menteri Commonwealth sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Perdana Menteri, Sir Abu Bakar Tafa Balewa, sebab chadangan Sir Abu Bakar Tafa Balewa, Perdana Menteri Nigeria itu, akan sama-lah mutu-nya saperti chadangan Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, Perdana Menteri kita, dalam soal Afrika Se'atan. Di-Asia orang kenal negara kita dan pemimpin negara kita di-Afrika pun orang kenal Abu Bakar Tafa Balewa dan pemimpin Abu Bakar Tafa Balewa di-Nigeria.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling penting bagi saya bukan-lah mengadakan sidang Perdana<sup>2</sup> Menteri Commonwealth untuk membinchangkan fasal ini. Kalau satu sidang mahu di-adakan merupakan international, maka sidang itu yang paling tepat ia-lah Bangsa<sup>2</sup> Bersatu, bukan Commonwealth—Bangsa<sup>2</sup> Bersatu! Sidang Commonwealth tidak ada memberi apa<sup>2</sup> Afrika Selatan keluar daripada Commonwealth, kerana usul Malaya di-waktu itu. Tetapi hubungan dari dalam British berjalan terus sebab kepentingan-nya di-situ; jadi ta' usah-lah kita berpura<sup>2</sup>, ta' usah kita mengikut lakunan sandiwara British sa-lama<sup>2</sup>-nya. Mahu bawa perkara ini Malaysia terus usulkan kepada Bangsa<sup>2</sup> Bersatu supaya di-binchangkan perkara ini terus terang. Kalau Bangsa<sup>2</sup> Bersatu pun tiada boleh atau tidak dapat berbuat sa-suatu ta' sampai hendak mengadakan sidang pun ta' boleh kerana British ta' suka, maka forum international ini pun tidak ada guna satu sen pun lagi. Forum international ini harus di-perbaiki sa-mula, harus di-susun sa-mula, harus di-kaji sa-mula, di-batalkan hak siapa yang di-katakan Big Four atau Big Five, Lima Besar atau Empat Besar yang mempunyai hak veto. Ini semua bukan,

dia bukan Tuhan, yang mentakdir atau memberi hak kepada mereka untuk menjadi Big Four atau Big Five dan sa-bagai-nya. Ini mesti di-batalkan demi keadilan dan Malaysia patut mempelopori perkara ini dalam Bangsa<sup>2</sup> Bersatu—masaalah Rhodesia Selatan dan masaalah penyusunan samula Bangsa<sup>2</sup> Bersatu dengan menidakkan ada-nya hak veto dan menidakkan ada-nya siapa yang di-katakan Big Four atau Big Five.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah dia jalan keluar yang sa-baik<sup>2</sup>-nya. Saya merasa pelek, bukan hairan, apabila Perdana Menteri kita dengan susah hati dan dukachita merayu<sup>2</sup> kapada negeri<sup>2</sup> di-Afrika kalau betul hendak putuskan perhubungan dengan British, dengan England, United Kingdom, tetapi jangan-lah sampai hendak keluar daripada Commonwealth. Ini Malaysia merayu, apa sebab, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ini terlampau sayang kapada British. Jadi tuan<sup>2</sup> di-Afrika itu hendak keluar pun, hendak putuskan perhubungan kerana Rhodesia Selatan itu, putus-lah, ta' apa-lah Tetapi jangan-lah sampai hendak keluar daripada British Commonwealth.

Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, mengapa begitu sa-kali kita sayang kapada British Commonwealth, tidak pernah kata Malaysia Commonwealth—British Commonwealth dan ada satu Menteri urusan Commonwealth mengganti urusan yang ta'alok dahulu yang ada di-England dalam Kabinet. Sejarah Commonwealth sendiri mesti kita faham kemudian dapat kita fikir dan kita uji sampai ka-mana untong dan pahit-nya Commonwealth itu kapada kita yang Perdana Menteri kita ingin benar<sup>2</sup> memujuk<sup>2</sup> orang lain supaya jangan keluar daripada British Commonwealth.

Pemberontakan Amerika kerana orang<sup>2</sup> yang kulit putih yang pindah ka-Amerika tidak senang dengan chara British mahu menguasai ekonomi di-Amerika. Maka timbul-lah pemberontakan ra'ayat di-bawah pimpinan George Washington dengan kebetulan dapat bantuan daripada Franchis pada masa itu maka merdeka-lah Amerika

dan di-tegakkan-lah United States of America. Pada masa itu telah terjadi satu civil war, perang saudara, di-antara orang Inggeris dengan orang Amerika, antara kulit putih dengan kulit putih. Oleh kerana terpaksa British menyerahkan kemerdekaan kapada ra'ayat Amerika, maka timbul-lah daya utama—initiative British—sa-belum Canada bertindak ka-arrah satu pemberontakan mengasingkan diri daripada British, saperti Amerika, sa-belum Australia bertindak, sa-belum New Zealand bertindak maka taraf Dominion Status harus-lah di-beri kapada negeri<sup>2</sup> kulit putih: Canada, Australia dan New Zealand. Maka di-beri-lah oleh British dan ini-lah negeri<sup>2</sup> yang di-katakan Negeri<sup>2</sup> Dominion di-dalam lengkungan persema'amoran Inggeris atau Commonwealth. Inggeris takut kehilangan ekonomi semua-nya saperti dia hilang Amerika dan di-beri taraf<sup>2</sup> Dominion kapada kulit<sup>2</sup> putih yang lain.

Tetapi negeri kita tidak, Malaya di-jajah tidak di-berikan taraf Dominion. India di-jajah tidak di-beri taraf Dominion, Somalia di-jajah tidak di-beri taraf Dominion dan banyak negeri<sup>2</sup> di-sabelah Afrika di-jajah tidak di-beri taraf Dominion sa-hingga datang Perang Dunia Yang Kedua. Kelemahan Inggeris ternyata benar<sup>2</sup>, kesedaran ra'ayat di-negeri<sup>2</sup> yang di-jajah telah bangun betul<sup>2</sup> dan tenaga bertindak telah lahir. Maka mahu tidak mahu, satu demi satu negeri yang di-jajah oleh Inggeris dia pun memberi kemerdekaan. Tetapi kemerdekaan bentuk Inggeris di-beri-lah kemerdekaan oleh Inggeris, bukan taraf Dominion—bebas—fully independent. Kata kita. Tetapi dalam pemberian itu kapada Inggeris-ala-Inggeris kemerdekaan bentuk Inggeris—kemerdekaan chara Inggeris sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bentuk Inggeris ini-lah bentuk menjamin kepentingan kekayaan British sendiri. Tidak guna Dominion, sebab Australia dan lain<sup>2</sup> saperti Canada, New Zealand, yang dahulu-nya mengakui King of England atau Queen of England, United Kingdom, Great Britain, sa-bagai Raja mereka, sekarang pun

telah bertukar chorak memakai Governor General sendiri, yang sudah tidak boleh di-ubah lagi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah mendapat kemerdekaan tetapi semua negeri<sup>2</sup> yang di-beri kemerdekaan, kechuali Burma, di-ikat betul<sup>2</sup> untok muslihat dan kepentingan British sendiri dan British Commonwealth ada-lah kepentingan British—kesema'amoran British Raya—ini-lah dia yang sa-benar<sup>2</sup>-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Kita takut keluar daripada British Commonwealth kerana takut hilang keuntongan<sup>2</sup> yang kita dapati daripada apa yang di-katakan British Commonwealth, apa yang akan hilang sadikit, yang akan hilang-nya ia-lah arang kehinaan yang terhonting di-muka kita. Keluar daripada satu kumpulan yang di-permainkan oleh British bagi kepentingan-nya pertukaran satu chorak perjanjian kepada alam kebebasan yang penoh—berdiri sama tinggi duduk sama rendah di-semua bangsa dunia—itu satu kemuliaan dan kehormatan. Sadikit sangat yang kita akan rugi daripada British, daripada apa yang kita dapat dalam Commonwealth. Kerana dari Commonwealth ini sadikit yang kita dapat, banyak yang British dapat. Untok mempertahankan sadikit kita dapat yang banyak kita dapat bermatian<sup>2</sup>, kita mempertahankan Commonwealth dan menunjokkan orang lain supaya jangan keluar daripada Commonwealth. Ganjil, Tuan Yang di-Pertua, chara kita berpolitik. Sadikit sa-kali yang kita dapat dari Commonwealth dan British tidak ingin kepada Commonwealth keuntongan tidak ada pada-nya, apa perlunya British kepada Commonwealth kalau keuntongan tidak ada? Dia mempunyai keuntongan banyak dan dia memerlukan keuntongan itu dan ini tidak 'adil yang mesti di-hapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-baik<sup>2</sup>-nya bagi Malaysia, mengator diri keluar daripada British Commonwealth dan semua nation pun patut keluar, hanya wujud satu pertubohan dunia—forum international—ia-itu Bangsa<sup>2</sup> Bersatu yang di-perbaiki keadaan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah banyak, masalah yang timbul di-dalam negara kita ini terlalu banyak dan apa boleh buat takdir telah menjadi bagitu. Negeri<sup>2</sup> lain pun ada masalah-nya tetapi masalah negeri kita ini masalah yang pelek dan saya sa-pendapat dengan siapa sahaja dan saya perchaya orang lain sa-pendapat dengan saya. Ada-nya racial, ada-nya gulongan<sup>2</sup> dalam negeri kita ini yang mempunyai aliran<sup>2</sup> yang berlainan menimbulkan satu masalah politik yang sangat kusut untok di-selesaikan di-dalam tanah ayer kita ini, apa-tah lagi dengan permainan British—divide and rule—yang di-tinggalkan pada kita ini kusut dan terlalu kusut untok di-selesaikan.

Kita fikir pada mula-nya, Tuan Yang di-Pertua, dasar to build a united Malayan Nation sekarang ini ubah to build a United Malaysian Nation akan berjalan-lah dengan senang, sadikit<sup>2</sup> batu jarang berjumpa duri-nya, tetapi nampak-nya tidak, batu-nya bagaikan gunung di-depan. Mula<sup>2</sup> kita nampak sadikit lichin, tetapi makin lama kita nampak bertambah berat. Masalah, Tuan Yang di-Pertua, masalah perasaan tidak sanggup menelan daripada satu gulongan kepada satu gulongan. Orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, yang sekarang ini telah di-tuduh kaum pelampau kerana berchakap masalah Melayu.

Orang Melayu yang telah di-katakan satu kaum yang kebetulan datang lebeh dahulu daripada yang lain. Orang Melayu yang di-katakan pemalas, iri hati. Sa-benar-nya orang Melayu tidak redza dengan tudohon<sup>2</sup> yang di-limparkan kepada mereka. Orang Melayu bukan kaum, bukan-lah pe'ampau kerana dia bukan kaum, dia ada-lah tuan punya bagi negeri ini dan dia terus menjadi tuan punya bagi negeri ini. Bukan sahaja negeri ini di-katakan orang Melayu dia ada-lah tuan punya bagi seluroh Malay Archipelago.

Sekarang ini keadaan kita berubah. Kita di-namakan Malaysia, sunggoh pun Malaysia di-terima. Saya sanggup menamakan diri saya bangsa Malaysia,

tetapi dengan pengertian Malaysian, kebangsaan, dan bukan-lah saya ini satu kaum di-dalam Malaysia, Malaysia itu nation, Malaysia itu Melayu kerana, Tuan Yang di-Pertua, orang<sup>2</sup> barat yang menamakan-nya. Melayu kata dato' nenek kita, Malaysia kata sa-orang Amerika, Malaya atau Malay State kata orang Inggeris. Indonesia kata orang Jerman, Philippina kata orang Sepanyol, Malanisia kata ahli<sup>2</sup> bumi, ahli<sup>2</sup> manusia, Polynesia, kata sa-tengah<sup>2</sup> orang lain pula, tetapi semua-nya sama yang bernama Malaysia, Malaysian, Indonesia, Philippina, Polysisian atau apa yang dia ada-lah satu hakikat-nya, darah keturunan bangsa Melayu. Melayu yang bertaboran di-seluruh Pulau<sup>2</sup> Melayu mulai dari Semenanjung dari Sigenting Kera.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sanggup menerima Malaysia sebab pengertian-nya sama, tetapi sekarang ini kita mahu menyatu-padukan semua warga<sup>2</sup> negara-nya bernama Malaysia, orang Iban suku bangsa Melayu, orang Kadazan suku bangsa Melayu, orang Bajau suku bangsa Melayu, orang Kayah suku bangsa Melayu, orang Dusun suku bangsa Melayu, tidak menjadi soal, asalkan jangan ada orang chuchok<sup>2</sup> dan divide and rule pula, tidak menjadi soal mereka ada-lah suku bangsa Melayu belahan badan bangsa Melayu tetapi yang lain<sup>2</sup> saya meminta supaya betul<sup>2</sup> membuktikan undivided loyalty. Kita boleh buat itu tanpa membuat sa-suatu yang bakal menimbulkan kekerohan dan kekachauan. Kita boleh perbuat bagitu. Kalau dapat kita insaf bahawa ini-lah negara kita bersama dan ini-lah tempat yang ingin hidup aman damai, maka mari-lah kita menchari sa-suatu yang boleh ditegakkan, sa-suatu yang baik dan menghalang segala unsur<sup>2</sup> yang boleh menimbulkan perpechahan dan kekachauan. Perpechahan Singapura, saya ulangi, Tuan Yang di-Pertua, tidak menghilangkan penyakit dalam Malaysia.

Baharu<sup>2</sup> ini dalam suatu kenyataan yang di-buat oleh Perdana Menteri Singapura dalam suatu perjumpaan ahli<sup>2</sup> Dewan Perniagaan<sup>2</sup> di-Singapura, beliau menyentoh soal bahasa. Kata-nya bom—semua bom telah terpesong

tidak menyala di-Malaysia di-seberang Tambak Johor. Apa itu soal bahasa yang akan datang pada tahun 1967? Soal bahasa ini telah menjadi satu soal yang dahulu-nya kita rasa ada tidak apa<sup>2</sup> kerana yang menuntut, yang menentukan supaya Lord Reid dan Surohanjaya-nya memasokkan di-dalam Perlembagaan ia-lah memorandum M.C.A., UMNO, M.I.C. sendiri. Jadi kita fikir tidak ada apa<sup>2</sup>, tunggulah sahaja tahun 1967, tetapi menjelang akan tiba tahun 1967 berbagai<sup>2</sup> masalah timbul sa-hingga di-kalangan M.C.A. sendiri, khusus-nya pemuda M.C.A.

Tuan Yang di-Pertua, satu yang malang, kalau hendak di-katakan malang, bagi bangsa Malaysia kita ini ia-lah timbul-nya gejala<sup>2</sup> akhir daripada kalangan kita sendiri. Saya harap mulai tahun 1966 tidak ada sa-siapa<sup>2</sup> yang patut berchakap dalam soal bahasa. Sebab tidak akan wujud satu kebangsaan, tidak akan lahir satu keharmonian, tidak akan lahir satu persefahaman, dengan amalan multi language. Lain di-Switzerland, sa-tompok ra'ayat dudok di-utara memakai bahasa Jerman, sa-tompok ra'ayat dudok di-selatan memakai bahasa Peranchis. Sa-tengah ra'ayat dudok di-sana memakai bahasa Belanda-kah, tetapi kita ini semua bergaul mesti satu bahasa yang tunggal. Ini di-terima seperti yang di-terima orang, harap saya, terima-lah. Jangan di-timbulkan sa-suatu sa-hingga sampai-lah maksud Lee Kuan Yew yang mengatakan bom telah terpasang sumbu-nya akan di-chuchoh tahun 1967.

Tuan Yang di-Pertua, satu chontoh saya akan beri dalam Dewan ini bagaimana negeri Thailand. Negeri Thai jiran kita yang paling dekat yang berhubung tanah-nya dengan tanah kita. Ada orang<sup>2</sup>-nya bukan yang sa-benarnya, bahkan boleh saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, sa-bahagian daripada Jema'ah Menteri Thailand sekarang ini ada-lah manusia<sup>2</sup> yang bernama nama Thai, berbangsa Thai, tetapi mereka itu ada-lah keturunan daripada orang<sup>2</sup> Tiong Hua yang sa-tengah<sup>2</sup> daripada-nya ada keluarga di-Kuala Lumpur ini sendiri.

Tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada dengar nama lain melainkan nama Thai. Mengapa boleh di-buat, mengapa kita sini tidak boleh? Saya tidak akan memaksa, mithal-nya Dato' T. H. Tan, tukar kapada Abdullah Sultan, tidak, tetapi chara berfikir kita boleh kita tukar, chara berfikir yang jujur dan ikhlas boleh kita ubah, Tuan Yang di-Pertua. Ini kita kehendaki dan ini Malaysia kehendaki. Jangan timbulkan soal bahasa, mengapa orang<sup>2</sup> keturunan Tiong Hua di-tanah besar di-Malaysia ini menimbulkan<sup>2</sup> soal bahasa. Walhal tiap<sup>2</sup> orang keturunan Tiong Hua mengaku<sup>2</sup> seperti yang diakui oleh Yang Berhormat Dato' T. H. Tan satu waktu dahulu dalam Dewan ini orang<sup>2</sup> China patut-lah berterima kaseh kapada negeri ini kerana di-negeri ini-lah orang China mendapat hak dan terjamin hak mereka di-dalam negeri<sup>2</sup> Tenggara Asia yang baharu merdeka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini patut yang di-punyai dan tidak patut lain daripada ini yang di-punyai—berilah betul<sup>2</sup> bukti ta'at setia apa salah? Ada orang mengatakan kalau di-tukar sign board itu sial, suwei, tidak betul. Di-Thailand, warga-negara keturunan Tiong Hua ramai yang menjadi pekedai, yang menjadi pegawai imigreshen, yang bekerja itu, menjadi itu ini, sampai Menteri-nya ada. Bahasa<sup>2</sup> Thai, sign board kedai, bahasa Thai. Itu bahasa kebangsaan. Kalau lain daripada bahasa Thai mahu di-pakai, boleh, tetapi kena bayar chukai. Bayar chukai bahasa lain kalau mahu digunakan di-sign board di-kedai<sup>2</sup>—kena bayar chukai—orang Tiong Hua. Orang<sup>2</sup> warga-negara Thailand keturunan Tiong Hua membayar chukai menggunakan bahasa lain, bahasa Tiong Hua mithal-nya di-sign board kedai-nya di-dalam negeri Thai, tetapi tidak boleh taroh di-atas, tidak boleh di-buat besar—kecil—kalau boleh di-bawah di-gantungkan di-bawah sign board yang besar.

Mengapa boleh berjalan di-dalam Thailand, mengapa tidak pula boleh berjalan di-dalam Tanah Melayu? Saya tidak maksudkan chukai, maksud-

nya pelaksanaan bahasa. Mengapa tidak boleh? Kalau betul<sup>2</sup>, terserah-lah kapada Kerajaan Perikatan yang memerintah hari ini. Jangan timbulkan teka-teki kapada ra'ayat, jangan mainkan terus sandiwara<sup>2</sup> panjang. Jangan tolak ansor dalam perkara bahasa, dan kapada orang yang bukan warga-negara beri-lah betul<sup>2</sup> bukti ta'at setia kapada negeri ini dengan tidak menimbulkan soal bahasa kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentoh lagi satu perkara—perkara menjadi tanggong-jawab Perdana Menteri tetapi di-jalankan oleh Menteri Muda Kebudayaan dan Sukan. Kalau kita bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kapada Menteri yang berkenaan atau kita bertanya kapada tiap<sup>2</sup> diri kita sendiri kita semua, apa-kah ada satu kebudayaan Malaysia? Sa-bagai satu syarat, satu rukun bagi satu bangsa, harus mempunyai kebudayaan. Tentulah kita jawab tidak ada lagi. Kebudayaan Malaysia belum wujud, belum ada, seperti belum wujud-nya betul<sup>2</sup> bangsa Malaysia, kerana kita maseh dalam proses sekarang ini baharu bangsa warga-negara Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, soal kebudayaan bukan-lah satu soal kecil. Soal kebudayaan satu soal yang sangat besar erti-nya. Dia tidak boleh di-buat, di-bentok<sup>2</sup>, di-susun<sup>2</sup>, di-ator<sup>2</sup> belak—itu di-suruh suap, suroh telan, suroh pakai—tidak boleh. Dia lahir dan berkembang bersama<sup>2</sup> perkembangan dan kelahiran musharakat bangsa—yang akan di-namakan Malaysia itu sendiri. Jadi dalam soal membentokkan satu kebudayaan bagi satu bangsa yang akan bernama Malaysia akan datang yang sekarang maseh bernama warga-negara Persekutuan, patut-lah Kementerian ini memikirkan sa-dalam<sup>2</sup> dan Kementerian Pelajaran juga mempunyai satu seksi, satu seksi yang betul<sup>2</sup> memikirkan sa-dalam<sup>2</sup>-nya supaya di-pupok dari sekarang soal kebudayaan ini, melalui sekolah<sup>2</sup>, melalui anak<sup>2</sup> kita yang maseh menjadi rebong.

Tuan Yang di-Pertua, berchapak dalam soal kebudayaan ini kerana kita tidak ada lagi dan akan-adakan, maka

tanggung-jawab ada-lah tanggung-jawab bersama Kementerian Kebudayaan dan Sukan dan Kementerian Pelajaran. Saya mahu supaya soal kebudayaan ini di-perhati dan di-fikirkan betul<sup>2</sup>. Dahulu telah ada satu Kongres Kebudayaan. Kongres Kebudayaan telah ada didukung oleh orang<sup>2</sup> Melayu sahaja, telah memutuskan bahawa Kebudayaan Melayu teras kebudayaan Malaya. Waktu itu belum Malaysia. Tetapi sekarang ini teras kebudayaan Malaysia. Dan kebudayaan Malaya, yang sekarang ini Malaysia, tidak harus bertentangan dengan Islam. Itu bagus, betul. Tetapi tentu-lah kalau Yang Berhormat Enche' Senu, Menteri Penerangan, di-beri peluang mengulas perkara ini dia akan mengatakan kongres yang tuan<sup>2</sup> adakan ini tidak boleh menchapai tujuan, sedikit tempang, kerana tidak masuk di-dalamnya orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu. Ya, dia betul juga, seperti yang beliau berkata baharu<sup>2</sup> ini kepada persidangan Jawatan-kuasa Badan Bertindak Bahasa Kebangsaan. Dia menganjorkan supaya patut ada di-dalam Jawatan-kuasa itu orang yang bukan Melayu. Ya, memang di-dalam negara seperti ini memang patut ada, tetapi yang kita hairan mengapa orang bukan Melayu tidak mahu masuk ka-dalam itu. Dia kena masuk, tetapi dia belum mahu masuk. Saya harap kepada pemimpin<sup>2</sup> bangsa yang bukan berketurunan Melayu mengerahkan pengikut<sup>2</sup> mereka supaya ikut sama dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya akan pergi dalam soal kebudayaan ini bukan soal kecil, perkaranya besar sangat, dan saya tidak akan mempunyai masa yang cukup untuk berchakap, tetapi ingin saya mengingatkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya menganjorkan satu sidang kongres, champorkan-lah semua orang mengkaji soal bentuk kebudayaan yang sedikit demi sedikit dengan proses-nya kita akan dapat sampai kepada matalamat kita pada akhirnya.

Dalam soal lain dari sudut Kementerian Pelajaran, Tuan Yang di-Pertua, pertama yang saya ingin katakan

mengenai pengharapan saya supaya terbentok satu kebudayaan bagi bangsa Malaysia akan datang. Saya minta supaya tidak di-amalkan terus dasar *co-education*. Ini soal kebudayaan tidak di-amalkan terus *co-education*, ini soal kebudayaan. Tuan Yang di-Pertua, *co-education* bukan pantas bagi bangsa Melayu, tuan punya negeri ini yang asal, tidak pantas bagi umat Islam. Dan saya perchaya pada mulanya juga tidak pantas bagi semua warga-negara baik keturunan apa dalam negeri ini kerana kita semua orang timor. Tetapi dia datang daripada Barat, dia di-bawa di-seludupkan oleh penjajahan Inggeris dari barat bagi menghanchorkan kemurnian kebudayaan anak negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal *co-education* kalau di-amalkan kebudayaan kita akan jadi lain. Lain daripada keputusan Kongres Kebudayaan Melayu yang hendak berteras Melayu.

**Dato' Sheikh Abu Bakar:** Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, boleh-kah Ahli Yang Berhormat itu memberi ma'ana apa ma'ana *co-education* itu.

**Enche' Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, pelajaran atau persekolahan yang berchampur antara pelajar laki<sup>2</sup> dengan perempuan. Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan tidak di-amal satu sekolah atau satu darjah perchamporan antara laki<sup>2</sup> dengan perempuan. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, tidak manis, tetapi kerana saya katakan tadi dari sudut kebudayaan, maka dari sudut kebudayaan itulah yang saya akan binchangkan. Apa yang telah berlaku di-barat yang sedang kita ikuti sekarang kehanchoran moral, akhlak, anak<sup>2</sup> di-besarkan dengan satu sistem pendidikan tanpa memikirkan natijah besar dengan mengetahui hakikat dan hak persamaan hak mahu kebebasan yang sama, keluar ka-sana ka-sini, dengan bebas membawa akibat keruntuhan moral kepada bangsa dan negara ini.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Untok penerangan berkenaan dengan perchamporan laki<sup>2</sup> perempuan bagaimana Ahli Yang Berhormat kata itu,

Pusat Pengajian Islam yang akan di-ranchangkan di-Kelantan oleh Kerajaan PAS pun menerima perempuan dan laki<sup>2</sup> berchampur sama. Jadi untuk penerangan supaya Ahli Yang Berhormat itu sedar yang ada satu Pusat Pengajian Islam yang di-ranchang yang berchampur laki<sup>2</sup> perempuan dan akan di-terima bersama<sup>2</sup> dalam Pusat Pengajian ini.

**Enche' Amaluddin bin Darus:** Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu mengingatkan saya, perkara yang saya memang ingat. Saya tahu saperti saya tahu-nya 'amalan yang sudah berjalan di-tanah ayer kita bagi semua sekolah. Tetapi, yang saya harapkan supaya ini di-ubah. Kita berikhtiar-lah supaya keadaan ini di-ubah di-masa hadapan. Sebab kita ingin memberi pendidikan berdasarkan saikoloji—berdasarkan 'ilmu jiwa dan nature—tabi'i pembentokan manusia yang di-jeniskan laki<sup>2</sup> dan perempuan itu sendiri. Kalau tidak itu kita buat, apabila bertentangan dengan nature, maka akan timbul kekacauan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menghalang memberi pelajaran satinggi<sup>2</sup>-nya kepada kaum perempuan—bahkan itu hendak-lah di-galakkan. Tetapi, yang saya mahu, supaya kita memikir pelajaran yang sa-bagaimana mesti menjadi pelajaran lanjutan kepada golongan ini. Pelajaran yang sa-macham mana yang menjadi pelajaran lanjutan kepada orang ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak kita fikirkan, jadi-lah saperti negeri barat.

**Mr President:** Tolong rengkaskan sadikit, Enche' Amaluddin. Beri orang lain hendak berchakap. Masa kita sengkat.

**Enche' Amaluddin bin Darus:** Orang<sup>2</sup> barat yang telah mendapat kebebasan dia telah sama<sup>2</sup> bekerja ka-luar dan ka-dalam—laki<sup>2</sup> bekerja, perempuan pun bekerja. Oleh kerana negeri-nya telah demikian maju, dia berjanji, pukul satu kita makan di-restaurant di-sana. Sebab, di-rumah, siapa yang akan menjalankan tugas rumah tangga? Tidak ada, sebab perempuan bekerja, yang laki<sup>2</sup> pun

bekerja. Jadi, keharmonian rumah tangga hilang. Rumah tangga hanya tempat kembali sa-bentar untuk tidur.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bertanya Ahli Yang Berhormat itu, ada-kah dia berchadang supaya di-buat satu undang<sup>2</sup> menahan orang perempuan daripada bekerja?

**Enche' Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, biar-lah saya berchakap, kemudian itu Ahli Yang Berhormat itu dapat mengambil kesimpulan. Apa yang telah terjadi di-dunia barat sendiri, itu sa-bahagian daripada kebudayaan mereka, kerana mereka telah tergelinchr dan rosak. Kita dalam pertumbuhan. Maka, kerana kita dalam pertumbuhan, saya minta Kementerian Kebudayaan dan Kementerian Pelajaran memikir sa-dalam<sup>2</sup>-nya perkara ini, supaya kita tidak akan menjadi juga pa' turut kapada mereka yang telah hanyut dan liar di-dalam kebudayaan.

Di-barat sendiri, orang menangis. Orang bijak<sup>2</sup>, yang laki<sup>2</sup> atau yang perempuan yang telah berumor menyosal akan keadaan masharakat dan kebudayaan di-barat. Jadi, kita jangan ikut dia. Nanti, waktu sa-sudah sampai, kita, kerana mengikut dia, kita pula hanchor. Dia sudah mula' baik, kerana dia insaf. Jadi, sekarang orang barat telah mula' insaf. Sebab itu, harus kita fikir, meletakkan sa-suatu itu harus pada tempat-nya. Perempuan harus di-didek untuk di-letakkan pada tempat-nya. Laki<sup>2</sup> harus di-didek untuk di-letakkan pada tempat-nya. Perempuan harus boleh bekerja dan boleh jadi Senator—Dewan Senget, kata sa-tengah orang. Jadi, tidak jadi soal itu. Tetapi ada tempat yang mesti di-beri pendidikan kepada perempuan, tetapi tidak ada galakan yang sa-benar<sup>2</sup>-nya ka-arrah ini. Kalau untuk menjadi guru sekolah rendah, siapakah yang lebeh tepat daripada perempuan? Perempuan sangat tepat menjadi guru bagi sekolah rendah, sesuai dengan watak dan tabi'at anak<sup>2</sup> yang maseh kechil, yang maseh dalam process perkembangan otak. Ini, boleh kita beri peluang.

Dan, Tuan Yang di-Pertua, doktor. Kita mahu, kalau ada sa-ribu doktor laki<sup>2</sup>, mesti ada sa-ribu pula doktor perempuan. Sebab, kadang<sup>2</sup> kalau kita buat banchian, jumlah laki<sup>2</sup> sedikit kurang dari jumlah perempuan. Jadi, mengapa tidak patut kalau sa-ribu doktor laki<sup>2</sup>, sa-ribu pula doktor perempuan? Apa-kah usaha ini dijalankan oleh Kerajaan, dari satu sudut menambah jumlah doktor? Tetapi, dari sudut lain, saya katakan, dari segi kebudayaan. Mengapa? perempuan pun sakit—terpaksa—ugama pun mengharuskan, kita membiarkan perempuan di-pereksa oleh laki<sup>2</sup>. Tetapi, mengapa tidak di-iktihar oleh sa-buah Kerajaan, supaya doktor<sup>2</sup> perempuan chukup dan daripada mereka punya specialist<sup>2</sup>. Yang demikian, kehormatan perempuan, kehormatan kaum yang lemah, kehormatan kaum manusia yang Tuhan jadikan lemah-lembut dan chantek jelita, isteri<sup>2</sup> kita, saudara<sup>2</sup> kita, keluarga<sup>2</sup> kita, mendedahkan tuboh-nya kepada doktor laki<sup>2</sup> pada hal sa-boleh<sup>2</sup>-nya hendak-lah di-elakkan daripada terjadi. Tetapi, kalau tidak dapat, harus, ugama sendiri pun membenarkan. Tetapi, saya katakan lagi sa-kali, mengapa Kerajaan tidak mahu fikir ini? Kerajaan mesti fikirkan ini—ini-lah kewajipan. Saya rasa, kalau saya berchakap atas soal ini, barangkali terlalu panjang, jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu-lah, sudah chukup-lah. Lain kali kita mengambil peluang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menerima sungutan, banyak. Satu daripada perkara-nya maseh saya minta supaya Kerajaan mempertimbangan soal quota scholarship. Quota scholarship ini tidak di-laksanakan dengan sa-penoh-nya mengikut hak istimewa orang Melayu itu. Alasan Kerajaan tentu ada, mudah. Sudah di-pereksa, tidak ada chukup yang ber-kelayakan. Tempoh hak<sup>2</sup> istimewa itu pun sudah dekat<sup>2</sup> hendak habis. Orang Melayu maseh lagi kedatangan kurang kelayakan. Saya mahu Kerajaan membuktikan 'azam hendak memberi keutamaan kepada orang<sup>2</sup> Melayu, dengan tidak memperdulikan soal yang sa-lama ini menjadi kurang kelayakan. Kalau di-kehendaki 100, tiga Melayu

dari tiap<sup>2</sup> empat, penohkan itu semua—penohkan itu semua-nya. Panggil sa-jumlah orang yang sanggup interview. Tidak dapat, kalau dia tidak lulus Grade I, tidak mengapa, kalau dia lulus Grade II. Tidak chukup orang ini, panggil lagi—siapa mahu masok, tidak lulus pereksa itu, Grade II tidak apa. Beri peluang orang<sup>2</sup> Melayu—chukupkan quota-nya, sesuai dengan tujuan dan 'azam Kerajaan. Dengan 'amalan yang saya harapkan, bukan dengan chakap<sup>2</sup>—waktu hendak habis sudah, dekat<sup>2</sup> na' habis.

Tuan Yang di-Pertua, banyak anak<sup>2</sup> Melayu yang lulus Grade II, yang masok interview atau temuduga dihadapan Jawatan-kuasa yang memereksa hendak dapat scholarship jadi engineer atau sa-bagai-nya tidak lulus. Jadi alasan Kerajaan tidak ada kelayakan-lah, tetapi dia jual tanah dia pergi dengan belanja sendiri dia pas di-universiti di-kalangan kawan<sup>2</sup>-nya termasuk orang<sup>2</sup> yang di-pilih yang di-hantar oleh Kerajaan Malaysia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau betul jujur kepada orang Melayu, buktikan-lah dan jangan-lah lama sangat memainkan sandiwara kepada orang Melayu. Saya khuatir nanti orang<sup>2</sup> Perikatan sendiri, daripada UMNO, tidak tahan lagi. Macham sekarang ini pun sudah mula nampak mereka tidak tahan sabar lagi kerana banyak sangat sandiwara yang telah mempermainkan bangsa Melayu ia-itu bangsa saya sendiri, yang menjadi tuan punya negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentoh sedikit sahaja Kementerian Pengangkutan, sayang Menteri yang berkenaan itu tidak hadir. Sebab dia pernah berhutang kepada saya, sampai sekarang tidak di-bayar tetapi di-bayar kepada lain tempat. Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini tiga atau empat tahun dahulu saya pernah mengeshor supaya nelabohan Port Swettenham (Selat Klang) yang sudah siap—bandar Port Swettenham kalau sudah siap esok—ishtiharkan terus, jadikan Pelabohan Tun Perak atau dengan perkataan lain, bandar pun bukan Port Swettenham lagi, bandar Tun Perak. Jadi Menteri Pengangkutan bangun menyatakan

“Bagus shor itu, akan di-pertimbangkan bila tiba masa-nya.”

Tiba-lah masa-nya pembukaan pelabuhan baharu, saya pun sa-bagai dzif ikut hadir—nama tidak ubah! Saya tunggu<sup>2</sup> lagi, dia kata hendak di-ubah, di-timbang, minta fikiran lagi. Tiba<sup>2</sup> satu masa saya terbacha surat khabar Menteri Pengangkutan kita itu pergi ka-situ menghadiri isti'adat kerana Kerajaan Jepun hadiahkan kepala keretapi (rail car), di-namakan rail car itu Tun Perak. Ini saya minta hutang ini tidak terbayar—di-bayar ka-tempat lain. Saya minta di-bayar kepada Port Swettenham, dia bayar kepada kepala keretapi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengapa saya menekankan perkara ini dalam Dewan Negara ini? Di-Indonesia, Pateh Gajah Mada—di-Melaka (masa itu Selangor nun tidak ada), Me'aka masa itu kerajaan besar bukan Melaka sekarang. Di-Melaka, Bendahara Tun Perak (Bendahara Paduka Raja). Di-Indonesia, mereka meletakkan Gajah Mada pada nama sa-buah universiti di-Jakarta—di-Jokjakarta kalau tidak salah saya, saya pun tidak pernah pergi ka-sana, dan kita di-sini saya minta letakkan-lah Tun Perak itu menggantikan nama orang puteh yang pernah menjadi pegawai penjajah menjajah bangsa kita. Kebetulan Tun Perak itu pula dia-lah menjadi Gabnor di-Klang sa-belum di-lantek menjadi Bendahara Paduka Raja bandar Melaka. Mengapa Bendahara Paduka Raja yang hidup sa-zaman dengan Pateh Gajah Mada di-beri nama kepada kepala keretapi?

Sangat-lah malang, Tuan Yang di-Pertua, perbuatan yang telah kita lakukan kepada sejarah kita sendiri, satu bangsa yang berbudi, satu bangsa besar yang jiwa-nya pun besar menghargai sejarah-nya sendiri. Kita meninggi dan mengekalkan nama penjajah Inggeris tetapi tidak mahu menerima fikiran<sup>2</sup> untuk meletakkan sa-suatu yang baik di-tempat yang baik seperti menamakan bandar Port Swettenham kepada nama Tun Perak. Pelabohan itu akan menjadi pelabohan yang di-kenali oleh dunia kerana

singgah-nya kapal<sup>2</sup> dari seluroh dunia akan datang, akan mengenali siapa dia Tun Perak seperti orang Indonesia telah menamakan Gajah Mada kepada universiti-nya supaya orang kenal siapa Gajah Mada. Ini-lah satu perkara yang sangat saya kesalkan.

Tun Yang di-Pertua, kalau Menteri Pengangkutan ada tentu-lah seronok juga jawapan-nya nanti. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa chukup, sebab saya nampak kalau saya terus berchakap saya prepare banyak bahan<sup>2</sup> nya untuk di-kecham.

**Mr President:** Beri peluang kepada orang lain.

**Enche' Ama'uddin bin Darus:** Ya! Saya fikir untuk orang lain, terutama Yang Berhormat Enche' Nik Hassan nampak-nya siap hendak pukul saya sahaja. Jadi saya harap apa yang telah saya chakap tadi di-perhatikan, di-fikirkan bagi kepentingan dan muslihat kita bersama (*Tepok*).

**Datu Pengiran Mohamed Digadong Galpam:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka berchakap perkara yang mana telah di-binchangkan dalam Dewan Ra'ayat hingga ka-Dewan Negara. Saya rasa puas hati kechual berkenaan dengan kenaikan chukai<sup>2</sup> barang<sup>2</sup> di-Sabah. Dato' Yang di-Pertua, saya suka berchakap di-sini ia-itu berkenaan perkara<sup>2</sup> di-Sabah pada masa ini.

Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak di-minta supaya menyegerakan Bill ini ka-Sabah dengan ranchangan<sup>2</sup> luar bandar yang mana telah di-chadangkan oleh Kerajaan Pusat peruntukan ka-Sabah tahun yang akan datang sa-terus-nya juga di-Sarawak. Juga di-sini Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian di-minta Yang Berhormat dan pakar<sup>2</sup> di-dalam soal tanah<sup>2</sup> dan galian melawat ka-Sabah untuk menyelideki tanah<sup>2</sup> dan galian<sup>2</sup> di-Sabah. Demikian juga Menteri yang berkenaan memberi nasihat-nya kepada Kerajaan Negeri Sabah supaya perusahaan<sup>2</sup> atau kompeni<sup>2</sup> yang besar<sup>2</sup> di-Sabah tidak boleh menambah lagi kompeni<sup>2</sup>-nya di-Sabah seperti sekarang ini. Saya suka menyentoh sadikit

berkenaan dengan Menteri<sup>2</sup> tetapi saya fikir mereka tidak ada di-sini—hanya dua atau tiga orang.

Di-sini saya juga berchakap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran di-minta supaya menambahkan bangunan<sup>2</sup> sekolah rendah di-kampong<sup>2</sup> dan memperbaiki keadaan sekolah<sup>2</sup> yang ada pada masa ini di-Sabah. Demikian juga mengadakan Sekolah Menengah Kebangsaan untok tiap<sup>2</sup> daerah di-Sabah. Di-minta juga menambah bilangan guru<sup>2</sup> yang berpengetahuan dan berpengalaman yang bukan sahaja bahasa saperti yang lazim-nya di-ajar di-sekolah<sup>2</sup> pada masa ini di-Sabah tetapi juga di-dalam tulisan Jawi menambah di-dalam jadual pelajaran di-sekolah<sup>2</sup> termasuk pelajaran Jawi.

Dato' Yang di-Pertua, di-minta Menteri yang berkenaan menambahkan pusat<sup>2</sup> latehan guru<sup>2</sup> dan menyamakan tangga<sup>2</sup> gaji guru<sup>2</sup> di-Sabah dengan tangga gaji guru<sup>2</sup> di-Tanah Melayu serta membaiki pusat latehan guru<sup>2</sup> yang ada pada masa sekarang di-Sabah.

Dato' Yang di-Pertua, sedikit saya suka berchakap di-sini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan di-minta supaya mengadakan pusat kesihatan kecil untok tiap<sup>2</sup> daerah di-Sabah dengan mengadakan klinik bidan di-kampong<sup>2</sup> yang di-fikirkan perlu dan patut di-Sabah.

Jadi, Dato' Yang di-Pertua, di-minta Menteri yang berkenaan menambahkan bilangan bidan<sup>2</sup> di-Sabah dan menambahkan pegawai<sup>2</sup> kesihatan untok melawat ka-kampong<sup>2</sup> yang jauh daripada bandar<sup>2</sup> di-dalam Sabah.

Dato' Yang di-Pertua, di-minta Yang Berhormat Menteri Perumahan supaya mengadakan rumah<sup>2</sup> tumpangan untok tempat pegawai<sup>2</sup> yang datang berkhidmat ka-Sabah; sa-buah di-Jesselton dan sa-buah di-Sandakan dan sa-buah di-Tawau. Ini, Dato' Yang di-Pertua, perlu kerana saya ketahui pegawai datang daripada Kerajaan Pusat ka-Sabah yang selalu-nya payah sedikit kerana rumah tumpangan tidak ada. Jadi sekarang Menteri Perumahan yang berkenaan, saya fikir, mustahak supaya di-adakan di-Sabah.

Sekarang, Dato' Yang di-Pertua, di-sini saya suka berchakap sedikit kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan di-minta Menteri yang berkenaan menambah Pejabat Penerangan di-daerah Labu dan daerah yang di-fikirkan mustahak, dan menambahkan pegawai<sup>2</sup> Melayu daripada pusat ia-itu ka-Sabah. Dato' Yang di-Pertua, di-sini sa-benar-nya pegawai yang saya katakan ia-itu berkenaan dengan Menteri<sup>2</sup>, tetapi yang sa-benar-nya saya tengok di-sini Menteri<sup>2</sup> yang berkenaan itu tidak-lah dapat hadir, saya fikir barangkali dia orang pun ada meshuarat.

Di-sini saya suka berchakap kepada Menteri Kewangan yang berkenaan, Enche' Tan Siew Sin, di-minta supaya menyamakan harga barang<sup>2</sup> makanan di-Sabah dengan harga<sup>2</sup> barang di-Malaya ini. Oleh kerana, Dato' Yang di-Pertua, semenjak kenaikan<sup>2</sup> harga barang<sup>2</sup> di-Sabah pada masa ini saya suka bertanya ada-kah Menteri yang berkenaan sedang mengetahui mengenai kenaikan harga barang<sup>2</sup> di-Sabah pada sekarang ini.

Saya fikir Menteri yang berkenaan tidak berapa mengetahui kerana apa yang saya ketahui di-Sabah macham yang sekarang di-Malaya satu kotak mancis api di-sini harga-nya 5 sen, di-Sabah pada masa ini sudah menjadi 15 sen. Jadi sa-benar-nya ini perkara yang menjadi susah kepada ra'ayat yang miskin<sup>2</sup> oleh kerana barang makanan ini kebanyakan semua ra'ayat yang menggunakan. Jadi barang makan ini sa-benar-nya ini-lah yang saya rasa naik harga-nya. Jadi saya berharap Menteri yang berkenaan dapat menyelideki atau memberi macham mana pertolongan untok memudahkan atau pun memperbaiki harga barang<sup>2</sup> di-Sabah pada masa ini. Di-minta Menteri yang berkenaan mengambil langkah bagaimana chara hendak mengatasi keadaan kenaikan harga barang<sup>2</sup> itu untok meringankan bebanan ra'ayat di-Sabah pada masa ini.

Dato' Yang di-Pertua, perkara ini yang saya suka membawa ka-dalam

Dewan ini supaya Menteri yang berkenaan dapat mengadakan perhubungan dengan Menteri<sup>2</sup> atau pun Ketua Menteri di-Sabah supaya ra'ayat disana tidak terlalu berat menanggung kenaikan chukai barang<sup>2</sup> makan sebab yang saya ketahui, Dato' Yang di-Pertua, barang makanan ini ada-lah di-gunakan oleh ra'ayat.

Ada satu perkara yang saya rasa tidak puas hati atau pun saya rasa ini perkara bukan-lah orang yang miskin yang menggunakan: ada-lah perkara ini di-gunakan oleh orang yang kaya<sup>2</sup> atau pun kompeni<sup>2</sup> atau pun saudagar<sup>2</sup> ia-itu trekter<sup>2</sup> yang masuk ka-Sabah dengan tidak ada chukai. Maka barang ini benar<sup>2</sup> mendatangkan hasil kepada orang yang kaya<sup>2</sup>. Jadi saya rasa perkara ini ada-lah meringankan kepada orang<sup>2</sup> yang kaya tetapi pula kenaikan harga barang<sup>2</sup> makanan itu mengena pula kepada ra'ayat yang miskin diseluruh Malaysia.

Jadi di-sini saya berpendapat itu-lah tadi saya katakan, saya menyokong Rang Undang<sup>2</sup> yang mana ada pada hari ini, tetapi kechuali berkenaan dengan kenaikan harga barang<sup>2</sup> itu diminta-lah Menteri yang berkenaan supaya menyelideki atau pun memeriksa dengan baik, meneliti ka-Sabah kerana barang<sup>2</sup> makan kalau-lah kenaikan begitu yang berlipat-ganda, ra'ayat kita yang susah. Jadi ini saya suka menerangkan di-Majlis ini supaya Yang Berhormat<sup>2</sup> atau Menteri<sup>2</sup> kita yang berkenaan dapat memikirkan supaya mengatasi berkenaan dengan kenaikan chukai barang<sup>2</sup> pada masa ini di-Sabah.

The Prime Minister also mentioned about having connections with Belgrade, but he said that merely by having diplomatic relations with communist countries does not mean readjustment in Malaysia's foreign policy. Having stated this, I should now like to draw attention to what my colleague, Senator Aishah Ghani, mentioned about Taiwan. She did raise one or two questions, and the way that she put it alarmed me a bit, because she said, "If we are going to have diplomatic relations with Taiwan, what will be the attitude of the Chinese here towards the Nationalist Government?", thereby raising almost a doubt as to the attitude of the Chinese; and this was replied to by the Honourable Senator Lim Hee Hong, who has said that the Chinese loyalty to this country is second to none and that it cannot be doubted. I am only taking this purely from the rational argument point of view. If that is the argument, then we can take the same argument *vis-a-vis* the Indians. We have got the Indian High Commissioner here—and he has been here all along. Are we going to say that it is dangerous to have the Indian High Commission here because there are lots of Indians in this country? And then can you ask, "What will be the attitude of the Indians towards the Indian Government or to . . . . ."

**Che' Aishah binti Haji Abdul Ghani:** There are no two Indias, but there are two Chinas.

**Enche' Athi Nahaapan:** She says it only now, but she did not give this point yesterday. In fact, I am now coming round to the point as to why. If she had mentioned this point yesterday, then she would have had a stronger point in her favour. The reason why Malaysia has not recognised Taiwan up till now is that there are two Chinas, and Malaysia has at some time or other even though of

the possibility or recognising both: if we recognise one, we have to recognise the other, or recognise Taiwan, and the mainland China as China. However, in view of various other reasons both could not be recognised, but not on the ground that there are Chinese here and if Taiwan comes in here it might upset the Chinese attitude here. As a matter of fact, hypothetically, I would even say that assuming China had not become communist and China had remained nationalist, there would in fact have been a Chinese embassy here a long time ago. Because the mainland China went communist and Taiwan remained in the nationalist hands, and there was this problem of having to recognise both or not to recognise any, this problem was simply left in abeyance. The question that was raised by the Honourable Senator Aishah Ghani, as to what would be the attitude of the Chinese in this country, somewhat impliedly raised a doubt as to their loyalty, and that is why Senator Lim Hee Hong had to answer that. Of course, as far as Taiwan is concerned, the policy as laid down by the Tunku is this—I quote, "Government's policy is to cultivate the friendship of countries friendly to Malaysia." If this is the criterion, then I would say Taiwan is friendly to Malaysia, because of the relationship we already have with them, particularly in the field of agriculture, and also to some extent in education, and they have been showing their friendship towards us quite openly, while on the other hand Red China has been trying to crush us. I do not say this but, it has been said by no less than the Permanent Secretary to the Ministry of External Affairs, Dato' Ghazali Shafie. He said this while addressing the Ipoh Rotary Club, and he referred to "Red China's grand design"—he said that Red China's policy is to encourage hostilities, if possible, between Asian countries, while not involving their forces directly. "For China's grand design to succeed, Malaysia had to be crushed"—that is what Dato' Ghazali Shafie said. Not merely Malaysia had

to be crushed, she tried to crush us through Indonesia and she also tried to reduce India to size, because these two countries are now the only remaining true democracies in Asia, and she does not want these two countries to carry on this democratic pattern of society for fear that if they succeed, other Asian countries would emulate, and thereby defeating her own policy of international revolution to establish the communist society throughout the world. Therefore, Red China is definitely against us. We know that. She has not minced her words about it. She has openly said about it. On the other hand, Nationalist China has shown us friendship, and is showing us friendship. So, if our policy is to have friendship with countries who show friendship to us, then it is only logical that we should reciprocate and the opening has been made by having Nationalist China's Consul here. I only hope that eventually we will be able to have diplomatic relations with Nationalist China at the appropriate time. I think the time has come for us to take bold stands on foreign policies. While we are forging ahead to have relations with communist countries on matters of principle and self-interest, we should also be quite bold enough to have relations on matters of principle with countries like Nationalist China. Of course, across the Causeway, they try to have all kinds of juggleries but let us be quite candid in our views, even though at the risk of being misunderstood at some stage rather; but in the long run an honest foreign policy will be well appreciated. There is one other point and that is the last. The Honourable Dato' Haji Mohamed Noah in his speech has suggested that it is time for Government to participate in industrial projects, and I am glad that this also has been somewhat echoed by the Honourable Minister of Finance in his speech on page 12, where he says that . . . . .

**Mr (Deputy) President:** How long more will you take to finish?

**Enche' Athi Nahappan:** Another five minutes Sir. He said this:

"The Government intends to play a more active role in industrial promotion. To achieve this, the Government has enlisted the services of a wellknown industrial consultant from the United States to identify specific investment opportunities in Malaysia."

This has been one of my pet theories, and I have been advocating it in this forum from time to time, because though we believe in free enterprise, there are a number of basic industries which cannot be conveniently started off by free enterprise, and if we are going to wait for them, the country will not be able to forge ahead. Now, the time has come for the Government to start off certain basic types of industries either exclusively by itself or in conjunction with private capital and thereby lay the necessary industrial fabric. I hope some positive steps would be taken in this direction and even if it is termed "socialism" it does not matter, because we are committed to creating a welfare society.

That is all, sir. Though I have so many other points to mention but in view of the shortness of time. I conclude here, and I thank you for giving me this opportunity.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** (*rises*).

**Mr (Deputy) President:** Berapa lama Ahli Yang Berhormat hendak berchakap?

**Nik Hassan:** Saya tidak berani berjanji kerana banyak orang yang berjanji telah melanggar janji; saya memendekkan chakap saya itu sa-berapa rengkas yang bo'eh.

**Mr (Deputy) President:** Saya berilah 15 minit!

**Nik Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong chadangan yang di-bawa bagi Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1966 ini, saya memberi ucapan tahniah kepada Menteri Kewangan kita kerana keberanian-nya mengemukakan Anggaran Belanja tahun ini, walau pun dia di-serang oleh berbagai<sup>2</sup> pehak dalam berbagai perkara. Tetapi ini sudah perkara biasa. Apa yang di-buat oleh Kerajaan itu tentu-lah ada tegoran dan pandangan yang di-datangkan daripada

wakil<sup>2</sup> ra'ayat. Ini-lah demokrasi, ma'ana-nya satu orang ahli pembangkang ada berkata Kerajaan hari ini ia-lah satu Kerajaan yang telah tidak lagi dapat kepercayaan daripada ahli UMNO sendiri oleh kerana dalam perbahathan<sup>2</sup> ini ahli<sup>2</sup> pehak Kerajaan pun telah juga memberi bingkangan atau pun tegoran kapada ucapan<sup>2</sup> dan dasar<sup>2</sup> Kerajaan.

Bagi saya, saya rasa ini-lah demokrasi yang sehat; siapa yang mewakili ra'ayat dia berhak bersuara apa yang ra'ayat mahu kapada Kerajaan, mahu pun dia pembangkang, mahu pun dia dari pehak wakil daripada golongan Kerajaan; tetapi dia berhak menyuarakan apa yang di-kehendaki oleh ra'ayat dalam kawasan-nya itu. Bagi Dewan Negara ini berhak-lah wakil<sup>2</sup> daripada Kerajaan<sup>2</sup> Negeri itu menyuarakan apa yang di-kehendaki oleh Kerajaan Negeri—itu-lah demokrasi. Tetapi bukan-lah ma'ana-nya kalau bagi pehak ahli Kerajaan menentang atau pun memberi fikiran, memberi pendapat-nya, itu menunjukkan sudah tidak ada kepercayaan. Ini tuduhan yang liar dan berat sa-kali.

Kita Kerajaan Perikatan, Kerajaan Pusat ini, tidak sa-bagaimana Kerajaan PAS di-Kelantan. Saya hendak beri tahu kapada Dewan di-sini semenjak PAS memerintah di-Kelantan, daripada tiap<sup>2</sup> tahun Meshuarat Budget-nya wakil ra'ayat tidak boleh berchakap membentangkan fikiran dan pendapat dari ra'ayat kampung. Kerana Menteri Besar-nya menahan wakil<sup>2</sup> ra'ayat itu berchakap. Jadi yang boleh berchakap chuma wakil<sup>2</sup> yang bukan mewakili daripada pehak Kerajaan. Ini baharu sahaja berlaku dalam Dewan Negeri yang bersidang baharu<sup>2</sup> ini dalam Budget tahun ini juga. Tiap<sup>2</sup> wakil daripada pehak Kerajaan yang bangkit hendak berchakap di-beri arahan supaya dudok jangan berchakap. Tiada siapa pun wakil ra'ayat dalam Kelantan yang boleh berchakap. Ini menunjukkan demokrasi mati di-Kelantan, di-bawah Kerajaan PAS.

Kita tidak mahu Kerajaan Persekutuan yang bagini besar mematikan demokrasi, kita mahu hidupkan demokrasi. Kita mahu beri kebebasan

supaya wakil ra'ayat berchakap. Di-Kelantan demokrasi telah mati, telah di-bunuh oleh Kerajaan PAS. Tidak dibenarkan berchakap dalam Dewan Negeri sa-hingga apabila bangkit satu ahli dalam Dewan Negeri, Menteri Besar tahan tidak mahu bagi dia berchakap. Dia mahu berchakap juga, Menteri Besar bangun berchakap lebeh dahulu daripada wakil yang hendak berchakap. Ini sama<sup>2</sup> pada wakil Kerajaan, jadi ma'ana-nya ra'ayat Kelantan terpaksa bergantung kapada wakil daripada pehak pembangkang untuk menyampaikan hasrat hati-nya. Ini belum pernah berlaku dalam mana<sup>2</sup> negeri pun dalam Persekutuan Malaysia ini. Di-Perak, di-Trengganu, di-mana negeri kita beri kebebasan wakil ra'ayat boleh bersuara apa yang dia hendak suarakan, begitu juga di-Dewan Parlimen kita di-sini.

Jadi bukan berma'ana apabila kita mengemukakan pendapat kita itu kita tidak ada kepercayaan kapada Kerajaan—jauh sa-kali! Ini kita sa-bagai wakil Ra'ayat yang di-pilih oleh ra'ayat, kita mahu bentangkan apa yang ra'ayat mahu dalam kawasan kita. Itu tidak salah, tidak salah pada 'adat demokrasi. Itu point yang saya hendak terangkan pada Dewan ini supaya semua orang tahu demokrasi sudah mati di-Kelantan.

Perkara yang kedua saya menyokong kata pehak Pembangkang tadi, Kerajaan hari ini patut segera menubuhkan 'Surohanjaya Bebas' untuk menyiasat rasuah kerana kata-nya apabila jadi macham case Rahman Talib, jadi panjang cherita. Kalau Surohanjaya Bebas pendek cherita, ra'ayat boleh tahu hal. Saya sokong, dan Surohanjaya Bebas yang paling utama yang patut di-dirikan ia-lah untuk menyiasat Kerajaan Kelantan hari ini (*Ketawa*). Dato' Yang di-Pertua, dalam Odit Report tahun 1964, satu bab yang di-sebut oleh Auditor-General . . . . .

**Wan Mustapha bin Haii Wan Ali:** Kalau tidak tersilap, di-bawah peratoran Meshuarat 35, sa-orang Ahli hendak-lah menghadkan perchakapannya kapada perkara<sup>2</sup> yang di-binchangkan dan tidak boleh mengeluarkan

apa<sup>2</sup> perkara yang tidak berkait. Saya, pada pendapatan saya, perkara ini tidak pun berkait dengan wakil ra'ayat di-Kelantan itu boleh berchakap atau tidak boleh berchakap—itu bukan menjadi bahathan, dan jika wakil ra'ayat ta' boleh berchakap itu barangkali Ahli Perikatan sendiri barangkali tidak mengikut atoran Standing Order yang di-tahan oleh Menteri Besar tidak di-benarkan berchakap.

**Nik Hassan:** Dato' Yang di-Pertua, Ahli itu silap sadikit, saya suka terangkan . . . . .

**Mr (Deputy) President:** Saya fikir di-bawah Supply Bill dia boleh berchakap.

**Nik Hassan:** Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong di-atas apa yang di-chakapkan oleh Pembangkang. Jadi sekarang sa-orang ahli Pembangkang berchakap dia hendak tahan saya berchakap pula dalam masaalah itu juga, jadi tidak 'adil-lah. Itu tidak ada demokrasi. Jadi chara tidak ada demokrasi di-Kelantan, jangan bawa ka-dalam Dewan Negara ini. Dato' Yang di-Pertua, saya sokong. . . . .

**Mr (Deputy) President:** Yang Berhormat, tujuan dia jangan-lah berchakap berbalek<sup>2</sup> sa-mula, satu kali sahaja sudah-lah.

**Nik Hassan:** Point yang kedua yang saya suka hendak chakap ia-lah berkenaan dengan Surohanjaya Bebas. Saya kata mustahak Surohanjaya Bebas ini di-tubuhkan—saya sokong—bagaimana wakil tadi hendak tubuhkan Surohanjaya Bebas—saya sokong. Kerana Surohanjaya Bebas yang pertama patut kita dirikan di-Kelantan, kerana saya suka hendak terangkan ia-itu dalam Odit Report yang dinyatakan oleh Auditor-General sendiri bagi tahun 1964 kata-nya "Kerajaan Kelantan telah menyalah gunakan wang Kerajaan Persekutuan, berjuta<sup>2</sup> ringgit dengan mengambil wang itu dan di-masokkan dalam Bank untuk faedah mengambil bunga daripada Bank itu untuk pergunaan Kerajaan Negeri-nya yang mana menyalahi pada peratoran dan Perlembagaan Persekutuan".

Ini jelas satu kesalahan mengikut segi Perlembagaan Persekutuan. Dan ada beberapa bab dalam penyata Auditor-General itu berkata "Wang<sup>2</sup> Kerajaan telah di-belanjakan dengan tidak mengikut atoran dan peratoran *Financial General Order*". Yang mana orang yang tidak menjadi pegawai Kerajaan telah membelanjakan wang Kerajaan, dengan tidak mengikut peratoran *Financial General Order* ia-itu pegawai yang bukan pegawai Kerajaan membelanjakan wang Kerajaan. Jadi ini, Dato' Yang di-Pertua, satu kesalahan yang mana saya fikir merugikan.

**Enche' Amaluddin bin Darus:** On a point or order . . . . .

**Nik Hassan:** Saya ta' beri jalan kerana saya takut ta' ada masa saya hendak berchakap.

**Wan Mustapha:** Dato' Yang di-Pertua, jikalau sa-orang ahli bangkit di-bawah *point of order* terpaksa dia dudok.

**Mr (Deputy) President:** Dia tidak bagi jalan.

**Wan Mustapha:** Saya minta di-sini pehak Pembangkang hendak berchakap *on a point of order* terpaksa dia kena dudok dan, Tuan Yang di-Pertua, mesti dengar apa dia the *point of order* itu.

**Nik Hassan:** Dato' Yang di-Pertua, saya hendak sambungkan masa pendek ini.

**Wan Mustapha:** Tentang berchakap—*on a point of order*.

**Nik Hassan:** Jadi maksud saya itu Surohanjaya Bebas itu ia-lah supaya dapat kita menyasat apa yang sa-benar berlaku di-sabalek pergunaan wang<sup>2</sup> Kerajaan dengan chara tidak benar dan tidak mengikut peratoran ini, supaya tidak-lah Kerajaan Persekutuan ini menanggung segala kesusahan yang memberikan *grant* kepada State. Saya tidak nampak pada Perlembagaan kita hari ini. Pagi tadi saya chuba membelek<sup>2</sup>, menchari<sup>2</sup>kan di-bawah fasal mana dalam Perlembagaan yang boleh Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan manakala satu<sup>2</sup> negeri menyalah-gunakan wang Kerajaan Persekutuan yang di-jalankan dalam negeri itu.

Jadi itu-lah sebab-nya pada saya Perlembagaan negeri kita hari ini patut di-pinda supaya Kerajaan Pusat mempunyai kuasa yang tertentu untuk mengambil apa<sup>2</sup> tindakan di-atas mana<sup>2</sup> Kerajaan yang menyalah-gunakan wang Kerajaan dengan tidak mengikut chara peratoran dan Perlembagaan.

Dalam Perlembagaan kita hari ini chuma di-adakan fasal<sup>2</sup> untuk memberikan grant kepada Negeri sahaja, umpama *road grant* dan berbagai<sup>2</sup> grant. Tetapi kalau sa-kira-nya *road grant* itu tidak di-gunakan untuk membena jalan, untuk membaiki jalan, di-gunakan wang itu untuk perkara lain, umpama-nya, apa-kah tindakan yang Kerajaan Persekutuan boleh ambil, Kerajaan Pusat boleh ambil? Saya tengok dalam Perlembagaan itu tidak ada satu kuasa yang boleh Kerajaan Pusat ini menahan wang itu diberikan kepada Kerajaan Negeri mengikut Perlembagaan yang ada ini. Jadi ini-lah satu perkara yang besar, satu perkara yang mustahak yang patut kita tarekkan perhatian Kerajaan Pusat supaya mengambil tindakan yang segera di-atas Kerajaan yang menyalah-gunakan wang<sup>2</sup> Kerajaan ini.

Jadi, Dato' Yang di-Pertua, bagaimana Ahli Yang Berhormat membangkang, itu berchakap chuma dia kata corruption itu supaya di-buat Surohanjaya untuk menyiasat corruption yang di-lakukan oleh orang. Tetapi kalau corruption itu di-lakukan oleh satu Kerajaan, apa hal? Jadi ini lebeh besar daripada corruption yang di-lakukan oleh satu manusia. Jadi, corruption yang di-lakukan oleh satu Kerajaan lebeh besar daripada yang di-lakukan oleh satu manusia. Jadi, ini lebeh besar—patut di-ambil tindakan, di-ambil perhatian yang berat oleh pehak Kerajaan Pusat.

Buku lain, saya rasa tidak banyak apa yang di-kemukakar oleh Pembangkang tadi, kerana semua-nya umum sahaja. Dan banyak lecture<sup>2</sup> macham kelas lecture sahaja—macham bagi lecture pada budak<sup>2</sup> sekolah berkenaan dengan Commonwealth History umpama-nya, berkenaan dengan geography umpama-nya, itu lecture sa-chara macham class-room lecture-lah. Jadi,

tidak payah saya kemukakan banyak—itu class-room lecture, macham Commonwealth History, berkenaan dengan Commonwealth.

Tetapi, bagi pendapat saya, saya suka hendak kemukakan satu perkara. Dalam surat khabar *Straits Times* hari ini, ada keluar berkenaan dengan perbinchangan di-House of Commons di-England berkenaan dengan Malaysia kita ini. Ada satu daripada Ahli Buroh, ia-itu Ahli Parti Kerajaan ada sebut di-sini, dia kata, ada baik-nya Kerajaan British ini berunding—ini berunding terus—umpama-nya untuk menarek balek pertahanan di-Malaysia ini, dan mengadakan satu pungutan suara yang baharu di-Borneo, di-Sarawak dan Sabah. Ini satu orang daripada wakil Parti Buroh, ia-itu Parti Kerajaan yang berchakap dalam perbinchangan ini.

Saya rasa, Dato' Yang di-Pertua, sampai-lah masa-nya bagi kita, Kerajaan Malaysia ini, memberi tahu kepada Kerajaan British, Kerajaan Inggeris ini, berhenti-lah daripada champor-tangan dalam hal negeri kita. Itu lebeh baik. Kalau mereka itu mahu champor-tangan juga, lebeh baik kita beri tahu, angkatkan semua apa yang ada pada Kerajaan British dalam pertahanan ini, keluarkan daripada negeri kita. Tidak payah kita gunakan pertahanan British lagi. Lebeh baik kita chari kawan yang lebeh baik, yang lebeh hormat kepada kita, yang lebeh jujor pada kita daripada Kerajaan British hari ini. Ini, kita berunding, kita berkira, semua British champor-tangan. Dia-lah yang menjadikan satu alat yang mengkhianati apa<sup>2</sup> perkara yang berlaku di-Asia ini. Dia-lah yang merosakkan, yang mengganggu, yang mengkhianati perkara<sup>2</sup> dasar luar kita, apa perhubungan kita ini dia-lah merosakkan kita, yang memberikan gambaran sa-olah<sup>2</sup> kita ini maseh di-bawah penjajah lagi.

Jadi, saya rasa patut-lah kita beri tahu pada British, beri tahu-lah kepada Kerajaan Inggeris, supaya Kerajaan Inggeris beri tahu-lah pada anggota<sup>2</sup> Kerajaan-nya yang Malaysia ini sudah merdeka—tidak dudok di-bawah British lagi. Kalau dia mahu sifatkan kita

dudok di-bawah penjajahan dia lagi, kalau dia fikirkan kita ini anak jajahan lagi, lebeh baik keluarkan-lah apa yang ada, yang di-punyai oleh kuasa<sup>2</sup> pemerintahan yang ada pada British itu, baik-lah angkat ka-luar daripada Malaysia ini. Kita chari kawan yang lebeh baik, yang lebeh jujur dengan kita, yang lebeh suka menolong kita dengan ikhlas. Ini-lah saya hendak minta dalam perkara hal luar negeri—ini satu-lah. Kerana kita sudah Malaysia—Sarawak dan Sabah ini sudah jadi Malaysia. Perkara meng-ambil suara itu tidak bangkit lagi. Tidak payah di-bangkitkan dalam Dewan di-England, dalam mana pun, tidak payah di-bangkitkan lagi. Tidak jadi masalah besar, tidak jadi lagi masalah apa yang di-binchangkan itu—tidak jadi masalah lagi. Itu terdiri pada kita. Kita tidak mahu negara lain menchabul hak<sup>2</sup> kebebasan asasi kita—ra'ayat di-sini. Baik-lah Kerajaan beri tahu chepat supaya jangan terlewat masa-nya.

Sa-lain daripada perkara dasar luar itu, saya chuba hendak tarek perhatian kepada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan supaya memikirkan dalam beberapa perkara yang mustahak, ia-itu pada saya, satu perkara yang mustahak ia-lah supaya dapat kita tubuhkan satu jawatan-kuasa bersama yang terdiri daripada Kementerian, daripada pehak MARA, daripada pehak Dewan<sup>2</sup> Perniagaan yang ada di-Malaysia ini supaya kita joinkan—jadikan satu, adakan satu jawatan-kuasa yang boleh mengawasi atau membuatkan perhubungan berkenaan dengan modal<sup>2</sup> luar yang di-masokkan di-Malaysia ini, untuk di-adakan hubungan joint venture dengan bumiputera yang ada dalam negeri ini. Sebab apa, Dato' Yang di-Pertua, banyak modal<sup>2</sup> luar yang masok dengan tidak di-buat kawalan yang tertentu. Ini, kadang<sup>2</sup> modal luar itu boleh melakukan sa-suatu perkara yang boleh merosakkan ekonomi kita. Jadi, daripada kita beri kebebasan yang terlampau kepada modal luar yang masok ka-sini, kita salorkan supaya modal luar yang di-masokkan dit tanah Melayu itu di-jamin oleh Kera-

jaan dan di-salorkan, dan di-galakkan supaya dapat di-satukan dengan modal<sup>2</sup> anak negeri, terutama-nya bumiputera, supaya dapat-lah kiatang<sup>2</sup> yang di-bena dalam negeri ini bersama<sup>2</sup> di-bena dengan modal luar dan juga modal bumiputera.

Keputusan ini telah di-buat dalam Kongres Ekonomi Bumiputera dan telah ada di-situ, chuma terenti kepada Kementerian sahaja untuk melaksanakannya. Jadi, pada saya, kalau kita hendak letakkan kepercayaan dan segala harapan kepada MARA sahaja untuk melaksanakan semangat kesemua 69 keputusan yang ada dalam Kongres Ekonomi Bumiputera itu, maka itu terlampau banyak sangat bebas yang kita letakkan pada MARA itu. Jadi, patut-lah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan menguasai sendiri—adakan satu daya usaha-nya sendiri, menyatukan dewan<sup>2</sup> yang ada dalam Malaysia ini, kesemua Dewan-nya, MARA-nya dan badan<sup>2</sup> yang di-fikirkan, macham M.I.D.F.L-nya, supaya di-adakan satu jawatan-kuasa yang dapat menerima modal luar yang masok di-sini dan di-salorkan mengikut pada tempat yang baik. Dengan kita buat begitu, modal yang datang daripada luar itu mempunyai jaminan—jaminan keselamatan modal mereka dan juga jaminan kemajuan dalam perusahaan yang mereka bena itu.

Ini, pada saya satu shor kepada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, dan saya minta juga Kementerian ini supaya mengkaji 69 keputusan yang ada dalam Kongres Ekonomi Bumiputera itu, yang mana salah satu daripada keputusan yang saya ingat lagi, ia-itu Kerajaan hendak-lah memberi pertolongan kepada Dewan<sup>2</sup> Perniagaan Bumiputera dengan bantuan kewangan permulaan untuk mengadakan pegawai yang menjadi setiausaha yang boleh menjalankan Dewan Perniagaan Bumiputera itu sampai satu masa Dewan itu boleh bergerak sendiri. Jadi, bantuan ini patut-lah di-kaji. Dan dalam Anggaran Perbelanjaan, patut-lah ada supaya Dewan Bumiputera yang ada di-seluruh Malaysia ini dapat berdiri dengan kaki-nya sendiri pada satu masa nanti.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, Dewan<sup>2</sup> Bumiputera ini tidak dapat bergerak dengan lancar dan dengan kuat kerana mereka kekurangan wang, mereka kekurangan kaki-tangan dan sa-bagai-nya. Jadi apa yang mereka harapkan ia-lah pertolongan daripada Kerajaan kita untuk membenakan mereka ini. Barangkali Dewan Bumiputera ini belum ada di-Sabah, belum ada di-Sarawak, belum ada di-beberapa buah negeri dalam Malaysia sendiri. Ini kerana kesusahan kewangan dan sa-bagai-nya.

Jadi dalam 69 keputusan yang telah di-terima oleh Kerajaan kita, oleh Tun Abdul Razak sendiri, di-antara-nya salah satu keputusan itu ia-lah Kerajaan hendak-lah memberi bantuan kewangan supaya Dewan Bumiputera itu dapat berdiri di-atas kaki sendiri dalam satu ketika yang tertentu. Saya minta-lah, saya terek perhatian Kerajaan, supaya melaksanakan keputusan ini. Saya minta supaya Kementerian Perdagangan hendak-lah mengkaji 69 keputusan itu. Saya tidak mahu jadi apa yang telah kita buat kepada Surohanjaya Tender.

Dato' Yang di-Pertua, satu ketika dahulu satu perkara telah berbangkit berkenaan dengan tidak puas hati-nya orang ramai di-atas tender<sup>2</sup> Kerajaan dan Kerajaan telah menubuhkan satu Surohanjaya dan Surohanjaya Tender itu menyiasat dan telah memberi laporan yang penuh. Shor<sup>2</sup>-nya ia-lah untuk membaiki berkenaan dengan perjalanan tender Kerajaan. Tetapi sampai hari ini belum-lah ada perbaikan mengikut shor yang ada dalam Surohanjaya Tender itu. Mengikut Surohanjaya Tender itu, hendak-lah di-adakan pertolongan kepada Bumiputera dalam perkara kontrek, hendak-lah ada perbaikan kepada susunan Jawatan-kuasa Tender dan sa-bagai-nya. Dalam Surohanjaya Tender itu ada recommendation-nya, ada shor<sup>2</sup>-nya, tetapi Kementerian Perdagangan maseh belum melaksanakan shor<sup>2</sup> yang ada dalam Surohanjaya Tender itu. Jadi elok-lah Kementerian itu mengambil kajian yang teliti berkenaan dengan perkara ini.

Saya tidak hendak panjangkan kerana masa-nya sudah singkat jadi memada-lah dengan saya menutup ucapan saya dengan satu point lagi ia-itu saya rasa ahli<sup>2</sup> saudagar<sup>2</sup>, orang kaya, dalam Malaysia ini belum chukup lagi memberi khidmat-nya kepada negara Malaysia ini.

Dato' Yang di-Pertua, apa yang kita dengar hari ini desakan hendak mengadakan Universiti di-Pulau Pinang. Mahu Kerajaan juga benakan Universiti di-Pulau Pinang. Semua kita mahu Kerajaan bena. Itu Kerajaan mahu buat, ini Kerajaan buat. Bila Kerajaan kenakan chukai, kita marah kepada Kerajaan, ini tidak 'adil.

Dato' Yang di-Pertua, saya maseh ingat lagi saudagar<sup>2</sup> yang membena Nanyang University dengan belanja dan wang ringgit mereka sendiri. Kerana kuat-nya kechenderongan mereka dalam perkara pelajaran bagi anak<sup>2</sup> mereka, mereka telah membena Nanyang University di-Singapura. Kenapa tidak boleh ahli bijak pandai, orang hartawan, orang dermawan dan segala foundation yang ada ini—tidak boleh-kah bena satu universiti lain di-Pulau Pinang dengan belanja daripada harta kekayaan yang ada pada ra'ayat kita sendiri, daripada orang yang ta'at setia kepada negara kita sendiri, kenapa kita mahu harap kepada Kerajaan?

Dato' Yang di-Pertua, saya tidak berjalan jauh tetapi banyak orang berjalan jauh. Kalau kita pergi ka-Amerika, kita tengok berapa universiti yang di-bena dengan harta orang kaya. Sa-orang mati, dia beri semua harta-nya kepada universiti bagi membena pelajaran anak<sup>2</sup> mereka. Kenapa kita orang kaya di-sini mahu simpan sahaja kekayaan itu, tidak mahu belanjakan untuk perkhidmatan. Kalau hendak derma chari derma yang Tun Razak sendiri terima derma itu. Kalau hendak derma nanti Tunku Abdul Rahman sendiri yang terima derma itu. Hendak tunjok gambar dalam newspaper, ini dia si-anu yang kaya ini derma kepada Tunku Abdul Rahman sendiri. Yang seko'ah robek hendak

runtuh itu tidak ada siapa mahu tanya khabar. Ini perkara berlaku dalam negara kita hari ini. Saya fikir bagi orang kaya, orang berhartaa, orang yang ada kekayaan, kalau dia mahu mati pun chepat<sup>2</sup>-lah dia derma (*Ketawa*) kapada universiti yang kita chadangkan hendak di-bena di-Pulau Pinang ini. Chepatkan! Sebab kalau tidak, lambat, susah. Sekian sahaja terima kaseh.

**The Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam):** Mr President, Sir, I have a few replies to make here in connection with my Ministry. The Honourable Dato' T. H. Tan mentioned the dispute between the University and the Non-Acadamic Staff. I know that this dispute is causing some concern to the students of the University, who will be sitting for their examinations sometime next month. As Honourable Members would appreciate, the employer in this case is the University Council and we are not in a position to dictate terms. My officers have offered whatever assistance possible and some progress has been made in the negotiations, but certain issues still remain unresolved. My officers are still endeavouring to bring about an amicable settlement, but it appears that they have been experiencing some difficulties in obtaining the co-operation of the negotiating team of the University Council which, I might point out to this House, includes some leading trade union officials. I am surprised at the attitude of the negotiating team, and I hope that they would as far as possible avail themselves of the services of my officers to bring about an early settlement of this dispute.

Sir, the Honourable Member Enche' Saidon bin Kechut raised the problem of union recognition in Securicor. As Honourable Members would know, an agreement had been reached on the various issues which resulted in a strike. The procedure agreed to for settling the question of union recognition is now being implemented, and it is hoped to finalise this question in the next few days. The Honourable Member suggested that the employer in this case was promoting a union of his

own. I do not know the truth of this allegation, but this House may be assured that the Registrar of Trade Union has powers to refuse to register a trade union, which is not in the interest of the workers. A union sponsored by an employer would definitely be repugnant to the principles enunciated by the I.L.O. and the freedom and independence of the trade union movement, and the Registrar, I am sure, would bear this in mind.

Sir, the Honourable Dato' Haji Mohd. Noah suggested that wage and other inducements should be offered for workers to move to Sabah. My Ministry has made certain suggestions to the Sabah Government in this regard and also to provide for other facilities to encourage the movement of workers to Sabah. I hope to finalise these arrangements soon and that we would be able to meet Sabah's needs for labour as far as possible.

Sir, the Honourable Dato' Shelley and the Honourable Enche' Samad too touched on the question of shortage of labour in Sabah. Honourable Members would have noted also in the press to-day the complaints of Sabah employers that they are unable to get suitable type of workers from here. I think, Sir, that the time has come for some cold facts behind this recruitment exercise to be stated. The difficulty at the moment is not as stated by the Sabah employers—the inavailability of skilled workmen to go to Sabah—but rather, I get the impression that Sabah employers are only half-hearted about recruiting labour from here. They do not want to break the established pattern of recruitment of cheap labour from outside the States of Malaysia. Let me give you some of the figures. In March this year, a group of building contractors from Sandakan arrived here on a recruitment mission. A number of workers were recruited, but it took more than 8 months before the arrangements to transport these workers to Sabah were finalised. Our reminders to them, both by cable and by letter, to expedite these arrangements apparently went unheeded. It is not surprising,

therefore, that when these transport arrangements were finalised in November, some of the workers recruited became tired of waiting and withdraw from their agreement to work in Sabah.

Sir, let me quote another example. A group of representatives from Sabah Association of Contractors arrived here in October this year on another recruitment mission. Over a hundred workers were interviewed, but even to this day we have not been told how many of them have been selected and what their transport arrangements are to date. Here again our cables and our letters, and the persuasion of the Commissioner of Labour, Sabah, do not seem to have succeeded in getting these people to make up their mind. I would not blame the workers interviewed, if they turn down any offer of employment at this stage. What is needed in this exercise is prompt action, from those who come here to recruit labour, in determining who they want to select and how they want to send them across to Sabah. Sir, my Ministry has always and will always offer all necessary assistance to expedite these arrangements. The group of workers who went to Sabah in November this year, probably, would not have gone even this month if my officers had not taken the keenest interest in the matter. I appreciate that there are a number of difficulties at the moment in recruiting workers from here for work in Sabah. These difficulties can be overcome, and measures are now being worked out in this regard, but more important than this is the necessity for employers in Sabah to desire whole heartedly to obtain workers from here and not still hang on to their old patterns of recruitment. The recruitment of workers from here for work in Sabah would go a long way in solving Sabah's labour shortage problem which is, I understand, causing inflationary tendencies in their building industry. It would also help to ease our unemployment here to some extent. Sir, along with the measures that we are now taking to work out smoother arrangements for migration of workers to Sabah, I am instructing the Employ-

ment Exchanges throughout the States of Malaya to fix a board in their offices with the slogan, "Go East Young men". I am thankful to the Honourable Dato' T. H. Tan for this suggestion of his. Sir, I can assure this House and the Sabah employers that, if a genuine effort is made to obtain workers from here and such workers are not forthcoming in sufficient numbers, I will not stand in their way of obtaining the required number of workers from outside Malaysia. I am not prepared, however, to agree to the recruitment of workers from outside Malaysia where employers from Sabah make no genuine effort as is obvious from the two examples that I have quoted earlier. Thank you, Sir.

**The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak mengambil waktu yang singkat sahaja menjelaskan terhadap ucapan Yang Berhormat Enche' Amaluddin berkenaan dengan Tanjong Perak. Saya fikir semua orang suka hendak gunakan Tanjong Perak ini, minta ma'af Tun Perak. Yang sa-benar-nya saya sendiri telah memberi pengakuan nama Tun Perak ini akan di-pertimbangkan tetapi bukan saya mengaku telah terima yang pelabohan baharu di-Port Swettenham apabila di-sudahkan dinamakan Tun Perak. Jadi saya tak hendak di-tuduh memungkir janji walau pun saya telah rundingkan; kerana seluruh dunia telah terkenal pelabohan yang ada sekarang ini Port Swettenham dan pelabohan yang baharu sekarang ini ia-lah sa-bahagian daripada pelabohan Port Swettenham. Jadi kalau kita hendak mengenangkan nama yang baharu jadi dari segala perhubungan international kita akan rugi dan daripada perdagangan dan form<sup>2</sup> yang sudah ada semua sa-kali ini hendak di-pinda. Jadi oleh kerana itu daripada pehak<sup>2</sup> yang berkenaan semua sa-kali di-persetujukan supaya nama yang lama itu di-pakai juga chuma ini sa-bahagian nama baharu daripada Port Swettenham.

Tentang kepala keretapi, di-tukarkan nama Tun Perak itu memang dengan persetujuan Pengurus Besar. Kepala<sup>2</sup>

keretapi ini ada nama<sup>2</sup> pahlawan, tetapi bukan fasal kepala keretapi itu boleh di-bandingkan dengan pahlawan, tetapi mengenang jasa<sup>2</sup> baik. Dan saya perchaya kepala keretapi ini boleh menarek banyak juga gerabak, kalau pahlawan itu sa-orang handal melawan beratus<sup>2</sup> orang barangkali kepala keretapi itu sa-buah boleh menarek juga sampai 60, 70 gerabak juga.

Saya fikir sesuai juga-lah mengine-nangkan nama<sup>2</sup> baik, jadi itu sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya minta-lah supaya di-jelaskan benda ini. Saya tidak berjanji nama itu mesti-lah nama Tun Perak tetapi saya berjanji menimbangkan. Dan kalau sudah di-timbangan tidak sesuai jadi terpaksa-lah kita gunakan nama Tun Perak dengan nama keretapi, kepala keretapi, terima kaseh.

**Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haii Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Enche' Abdul Rahman bin Ahmad telah menegor berkenaan dengan Kilang Gula di-Prai yang sa-mata<sup>2</sup> bergantung kepada gula yang di-bawa daripada luar negeri dan bertanya sama ada pehak Kerajaan mempunyai rancangan bagi menanam gu'a dengan chara besaran dan di-mana-kah akan dapat beneh<sup>2</sup> atau pun anak<sup>2</sup> pokok gula yang hendak di-tanam.

Satu penyata yang telah di-buat oleh Australian Colombo Plan Sugar Cane Expert, telah pun di-serahkan kepada Kerajaan dan sekarang ini sedang di-dalam timbangan satu jawatan-kuasa pegawai<sup>2</sup> yang terdiri daripada pegawai Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, Pegawai Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan juga Pesuruhjaya Tanah dan Lombong. Manakala penyata ini di-semak dan di-serahkan kepada Kerajaan, Kerajaan akan menimbangkan dan membuat keputusan.

Berkenaan dengan pokok<sup>2</sup> tebu yang akan di-tanam itu kelak, maka perkara ini tidak-lah menjadi susah kerana sahingga hari ini pehak Jabatan Pertanian telah pun membawa masok lebeh kurang 40 jenis tebu ka-dalam

negeri ini daripada Australia, Amerika, Taiwan dan Republik Arab Bersatu. Dan tebu<sup>2</sup> ini telah di-tanam di-tempat perchubaan di-Serdang dan juga di-tanam di-Bukit Temiang Agriculture Station di-Perlis untok menchuba sama ada tebu<sup>2</sup> ini sesuai bagi di-tanam di-kawasan<sup>2</sup> ini.

Ahli Yang Berhormat, Tuan Haji Ahmad, telah meminta supaya Kilang Kertas di-Kepala Batas itu di-dirikan dengan segera-nya. Perkara ini pehak Kerajaan telah pun bersetuju yang Kilang Kertas itu di-dirikan oleh Sharikat Kerjasama Kilang Kertas dan pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan telah di-minta supaya berikhtiar mengadakan possibility report berkenaan dengan rancangan ini dan perkara itu sedang di-uruskan oleh Kementerian itu dan manakala selesai perkara itu akan dapat di-laksanakan. Dengan sebab rancangan membena Kilang Kertas itu akan di-bantu oleh Kerajaan, maka terpaksa-lah pehak Kerajaan menjalankan penyiasatan-nya supaya ia berpuas hati sa-belum daripada melancharkan rancangan yang memakan belanja yang besar ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya pehak Kerajaan memberi bantuan kepada Sharikat Kerjasama Bertam Estate untok membeli atau pun menghabiskan pembayaran berkenaan dengan Bertam Estate ini. Perkara ini, saya perchaya, Ahli itu sendiri sedia ma'alum pehak Jabatan Sharikat Kerjasama dan juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun menjalankan penyiasatan dengan teliti-nya berkenaan dengan ini dan satu rancangan telah pun di-sediakan. Anggaran Perbelanjaan telah pun di-buat dan perkara ini telah pun di-sampaikan kepada Perbendaharaan untok timbangan Perbendaharaan. Manakala Perbendaharaan membuat timbangan itu saya akan berhubung terus dengan pehak yang berkuasa Sharikat Kerjasama Bertam Estate.

Ahli Yang Berhormat daripada Sabah, Dato' Pengiran Mohamed Digadong Galpam, telah meminta supaya pehak Kerajaan, khas-nya saya sendiri, menchari jalan dan ikhtiar bagaimana meninggikan taraf hidup

ra'ayat petani<sup>2</sup> dan juga nelayan<sup>2</sup> yang ada di-Sabah dan dengan itu meminta supaya Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama di-Sabah di-perbaiki. Saya suka-lah menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu saya sendiri dengan semua Ketua<sup>2</sup> Jabatan di-bawah Kementerian saya telah pun mengadakan lawatan ka-Sarawak dan Sabah pada akhir tahun sudah dan di-dalam lawatan itu banyak-lah perkara yang kami dapat pelajari, yang kami dapat rundingkan dengan pehak yang berkuasa Kerajaan Negeri Sabah dan pegawai<sup>2</sup> Kerajaan yang ada di-Sabah. Hasil daripada itu berhubung dengan Sharikat Kerjasama, saya sendiri telah pun menghantar sa-orang pegawai yang di-sifatkan kanan daripada Jabatan Kemajuan Kerjasama ka-Sabah sa-bagai Pegawai Perhubungan di-antara diri saya sendiri dengan pegawai<sup>2</sup> di-Sabah bagi memperbaiki keadaan Sharikat<sup>2</sup> Kerjasama di-Sabah.

Sa-bagaimana tuan<sup>2</sup> atau pun Ahli<sup>2</sup> Dewan ini sedia ma'alum ia-itu berkenaan dengan pegawai<sup>2</sup> di-Sabah kita tidak dapat memenohkan tempat<sup>2</sup> sa-kira-nya ada kosong sa-kali pun dengan pegawai<sup>2</sup> yang ada di-Malaya atau pun di-sabelah Malaysia Barat dengan sebab ada-nya I.D.C. Report dan report itu dan report ini. Jadi dengan sebab itu apa yang dapat saya buat ia-lah menghantar sa-orang pegawai yang kanan, sa-bagai wakil diri saya ia-tu sa-bagai Liaison Officer dan bel'au akan menjalankan siasatan, memberi nasihat kepada pegawai yang ada di-Sabah untuk menjalankan Pergerakan Sharikat Kerjasama di-sana.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta supaya beneh<sup>2</sup> yang baik, beneh padi, kelapa sawit dan lain<sup>2</sup> di-bantu atau di-hantar ka-Sabah dan Ahli itu juga meminta supaya latehan di-beri kepada petani<sup>2</sup> di-Sabah bagaimana yang di-beri.

Berkenaan dengan beneh ini, pehak Kementerian saya atau pun pehak Jabatan Pertanian di-Malaysia Barat, sentiasa ingin menolong ra'ayat<sup>2</sup> yang ada di-Sabah sa-kira-nya mereka mustahak kepada beneh<sup>2</sup> itu dan Maktab<sup>2</sup> atau pun Sekolah<sup>2</sup> kita yang

ada di-sabelah Malaysia Barat ini sedia menerima penuntut<sup>2</sup> yang ada di-Sabah—yang datang daripada Sabah. Tetapi harus-lah di-ingat satu perkara yang besar ia-itu pertanian ini ia-lah di-bawah kuasa Kerajaan Negeri Sabah, bukan di-bawah kuasa Kementerian saya. Chuma apa yang dapat saya buat, memberi nasihat dan ada kala-nya nasihat di-terima dan ada kala-nya tidak.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya ra'ayat di-Sabah dilatih di-Maktab Pertanian di-Serdang. Maka ini, pehak Kementerian saya akan menjalankan ikhtiar menyelesaikan masalah ini atau menolong dalam masalah ini sa-kira-nya ada ra'ayat daripada Sarawak atau pun Sabah yang berkelayakan hendak masuk Maktab Pertanian itu. Tambahan kepada itu dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama yang akan datang ini, beberapa buah Pusat<sup>2</sup> Latehan/Sekolah<sup>2</sup> Latehan akan didirikan atau pun di-perkemaskan lagi di-negeri Sabah dan itu akan dapat menolong ra'ayat yang ada di-Sabah.

Ahli Yang Berhormat, Enche' Lim Joo Kong, telah meminta supaya harga padi ada-lah rendah ia-itu ada kala-nya di-jual \$8.00 dan sunggoh pun harga padi \$16.00 sa-pikul. Jadi di-dalam masalah ini, pehak Kementerian dan juga pehak Kerajaan memang sedar, ada perkara<sup>2</sup> yang tidak di-ingini berlaku berkenaan dengan pemasaran padi ini, sunggoh pun harga padi yang di-tetapkan oleh Kerajaan sa-kurang<sup>2</sup>-nya \$16.00 sa-pikul, di-terima di-pntu kilang, tetapi ada di-antara petani<sup>2</sup> kita, peladang<sup>2</sup> kita, yang menjualkan padi<sup>2</sup> mereka dengan harga yang rendah ia-itu \$12.00 atau \$13.00 dan ada sa-tengah tempat, mithal-nya, di-Kelantan \$10.00 ada berbagai<sup>2</sup> berlaku. Jadi dengan kesedaran ini pehak Kerajaan telah pun menubuhkan Lembaga Pemasaran Hasil Pertanian Persekutuan dan kita harap Lembaga ini akan dapat menjalankan perannya untuk mengadakan pemasaran<sup>2</sup> yang sesuai, tetapi dengan sebab Lembaga ini baharu sahaja di-tubuhkan lebeh kurang dua tiga bulan yang sudah,

jadi belum dapat berjalan dengan ter-ator, belum dapat menyusunkan masa-alah<sup>2</sup> ini. Jadi dengan sebab itu tidak-lah dapat pada masa ini kita memperbaiki keadaan ini melainkan kita berharap kepada orang<sup>2</sup> yang membeli—orang tengah—dan sa-bagai-nya, supaya bertimbang rasa dan sa-bagai-nya. Jadi walau macham mana sa-kali pun pehak Kementerian saya ada-lah sentiasa berunding dengan Kementerian Perdagangan dan Per-usahaan kerana urusan membeli padi/beras dan sa-bagai-nya ada-lah di-bawah Kementerian Perdagangan dan Per-usahaan, bukan di-bawah Kementeri-an saya, tetapi walau bagaimana pun saya sentiasa berunding dengan mereka untok memberi harga yang berpatutan kepada petani<sup>2</sup> dan peladang<sup>2</sup> ini. Terima kaseh.

**Enche' Abdul Samad bin Osman:**

Tuan Yang di-Pertua, fasal petani ini, satu pun tidak di-jawab. Itu sebab saya katakan Menteri mesti ada di-sini, dia terlupa.

**The Assistant Minister of Finance (Dr Ng Kam Poh):**

Mr President, Sir, as I look around me, I find that I am in the midst of Honourable Senators, who are more or less of the age of my father, or at worse my elder brother. Mr President, Sir, this is a very sobering thought seeing that I have come to this House to reply to Members, whose wisdom and ex-perience, I am sure, far exceeds mine both in politics as well as in finance and commerce and industry. We have among us here business tycoons, millionaires, bankers, and experts in various fields, so it is with deep humiliation and respect that I stand up here to give my reply to the various suggestions brought forth by Honour-able Members.

As far as the Ministry of Finance is concerned, there are but a few things to reply to. Foremost amongst them that is most criticised is the levy of telephone calls. Honourable Mem-bers had argued that we can obtain as much money by increasing the rentals on telephones. Even this proposal of increase, I observe, Sir, is

not altogether unanimous—one Senator has proposed that telephone rentals should be levied on business telephones alone, and another has suggested that both residential and business telephone rentals be increased. So you see, Sir, there is no unanimity even between Senators over the question of taxation. The Minister of Finance has said in his speech that criticisms must be constructive, they must yield the same amount of revenue and have the same impact on the economy in general. He also said that the criticisms and taxations as a whole must be more equitable than that presented by him. Sir, in all the suggestions put forth so far, they have measured up to only two of the alternatives, i.e. the yield is, I agree, equal and the taxation easy, if we increase the rental by \$10 per month on business telephones alone. Taxation is easy, but in my opinion, Sir, is it equitable? That is the final criterion. Sir, a big business house, a big business tycoon, might use the telephone more often than a small businessmen, therein the inequality exists. This is the first issue. The second issue, Sir, is made in the speech of the Minister of Finance in which he says that with this 10 cent levy on telephone calls, calls to neighbouring areas—say within a range of 16 miles—for which one pays 20 or 30 cents per call, can now be made free of trunk call charges. If Honourable Members would only care to look up the Budget speech of the Honourable Minister, they will note that. These are the two strong points.

Again, Sir, to quote the speech of the Honourable Minister of Works, Posts and Telecommunications given in the Dewan Ra'ayat, there were only 107,582 telephones on the 1st of January, 1965, and up to the 30th December, 1965, the number of telephones increased to 114,327. Sir, out of population of 9.6 million, to be exact, roughly 100,000 or more make use of telephones. Surely, Sir, this is an indication that only one per cent. or more of the population of the whole of Malaysia make use of telephones. So, where does the question of

necessity come to being? Therefore, Mr President, Sir, surely we are taxing the "haves" and not taxing the "have-nots". Those who can afford to use telephones come only under the one per cent. category. Mr President, Sir, though we do not shout from the roof-tops that we are socialists, this is practical socialism.

